



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7929]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1986:

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 28 hingga B. 32 [Ruangan 7965]

Maksud B. 33 [Ruangan 8003]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1986:

Jawatankuasa—

Maksud P. 28, P. 31 dan P. 64 [Ruangan 7965]

Maksud P. 33 [Ruangan 8003]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM, (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S., (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P. J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK, (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N, P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Yang Dipertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N. P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).

- Yang Berhormat TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T. P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).

- Yang Berhormat TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir
Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,
K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 22hb November, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTAYAAN-
PERTANYAAN**

**PENGGUNAAN BANGUNAN
PARLIMEN**

1. Tuan Gooi Hock Seng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) mengapa Bangunan Parlimen boleh digunakan untuk mengadakan satu mesyuarat UMNO yang dihadiri oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan baru-baru ini;
- (ii) apakah yang dilakukan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan di Mesyuarat UMNO tersebut; dan
- (iii) sama ada atau tidak parti-aprti politik yang lain akan dibenarkan mengadakan mesyuarat-mesyuarat atau perjumpaan-perjumpaan di Bangunan Parlimen.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):
Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Pentadbiran Parlimen telah membenarkan Dewan Bankuet Parlimen digunakan untuk taklimat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

pada 18hb Ogos, 1985 mengenai perkara-perkara hal ehwal semasa termasuk keadaan ekonomi, keselamatan negara, perpaduan dan perkembangan-perkembangan lain kepada para anggota KEMAS, pegawai-pegawai Penerangan, Kementerian Penerangan, pegawai-pegawai Seranta, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah serta para pegawai-pegawai daripada agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dengan pembangunan masyarakat dan menjelaskan pelaksanaan dasar Kerajaan;

- (ii) Di dalam majlis tersebut, pegawai-pegawai Jabatan Penerangan telah mendengar taklimat tersebut daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.
- (iii) Perkara ini tidak timbul, oleh kerana asas permohonan dan kebenaran yang telah diberikan itu adalah bukan untuk kegunaan mana-mana parti politik. Malahan ianya adalah untuk urusan Kerajaan.

Tuan Gooi Hock Seng: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan, majlis itu adakah benar satu aktiviti parti politik UMNO?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:
Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab tadi, tidak benar.

GERAI DI TEPI LEBUHRAYA KUALA LUMPUR—SEREMBAN

2. **Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sejauh manakah kejayaan Syarikat Fima Rantei yang diberi tanggungjawab oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia bagi menggunakan sepenuhnya gerai-gerai di tepi Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban yang bernilai \$1.8 juta itu, supaya 28 buah gerai itu tidak dijadikan tempat berteduh kambing-kambing atau disalahgunakan oleh orang tak bertanggungjawab.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, ingin saya mengatakan bahawa sehingga ini Syarikat Fima Rantei belum lagi berjaya dalam usahanya menyewakan sepenuhnya gerai-gerai yang terdapat di tepi-tepi Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban.

Di antara sebab-sebab penting yang menyukarkan gerai-gerai itu disewa kepada pengguna-pengguna ialah kerana ketiadaan kemudahan-kemudahan seperti tandas dan juga bekalan air. Ketiadaan kemudahan-kemudahan tersebut telah pun dikenal pasti dan pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia sedang mengambil tindakan untuk membina dan membekalkan kemudahan-kemudahan tersebut.

Adalah dijangka sesudah sahaja kemudahan-kemudahan itu disempurnakan, Kementerian berkeyakinan usaha-usaha untuk gerai-gerai itu disewakan kepada pengusaha-pengusaha yang berminat akan lebih berjaya.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan bagi pihak Menteri Kerjaraya, adakah

Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa bangsal-bangsal yang dibuat secara haram itu pun tidak ada tandas dan tidak ada tempat membuang air tetapi mereka itu telah berdiri dengan sepanjang jalan di tempat berhampiran dengan bangsal-bangsal ini. Jadi, apakah mereka itu tidak berkemampuan untuk menyewa bangsal-bangsal ini atau sewaan nya terlampau mahal?

Yang kedua, adakah sebelum benda itu dapat digunakan sepenuhnya, adakah benda itu dijaga atau diawasi supaya ianya tidak disalahgunakan oleh orang-orang, tambah-tambah tengah-tengah malam pukul 2, pukul 3, digunakan itu sebagai tempat berteduh?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa pada masa ini gerai-gerai haram itu yang di tepi jalan Lebuhraya itu tidak mempunyai bekalan air, elektrik atau apa-apa pun. Tetapi pada masa ini mereka tidak bayar sewa. Dengan pindah kepada gerai-gerai Syarikat Fima Rantei ini, mereka akan terpaksa membayar \$80.000 sebulan untuk gerai yang tetap dan \$50.00 bagi gerai yang bergerak yang akan juga ditempatkan di jalan-jalan ini.

Adalah diharapkan bahawa penjaja-penjaja ini atau pekedai-pekedai akan dapat lebih menarik kereta-kereta dan penumpangnya ke tempat yang dihaskan dengan kemudahan-kemudahan yang lebih menarik seperti juga dijalankan pada masa ini, masukkan kuasa elektrik kepada gerai-gerai itu, bekalan air, juga bekalan telefon am, tandas-tandas dan juga untuk membetulkan lagi papan-papan tanda untuk mengisyaratkan tempat gerai.

Dan juga adalah diharapkan bahawa kemudahan-kemudahan seperti ini diadakanlah di lain-lain Highway kemudian. Dengan itu saya

rasa, mereka akan dapat pergi ke sana dengan tidak menghadapi kerugian. Tetapi walau bagaimanapun, sempurna sahaja kemudahan-kemudahan ini diadakan sebelum akhir tahun ini atau awal tahun hadapan, pihak penguasa Lembaga Lebuhraya akan berkehendakkan semua penjaja pindah ke gerai-gerai itu.

HUTANG BADAN-BADAN BERKANUN

3. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah hutang-hutang Badan-badan Berkanun kepada institusi-institusi kewangan sama ada di dalam atau di luar negeri yang dijamin oleh Kerajaan dan sama ada Kerajaan yakin yang badan-badan berkanun ini mampu membayar balik hutang-hutang yang dijamin itu dalam tempoh yang ditetapkan atau menurut perjanjian yang dipersetujui.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, jumlah hutang badan-badan berkanun kepada institusi-institusi kewangan sama ada di dalam atau di luar negeri sehingga 30hb Jun 1985 ialah \$3,856 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak \$3,018 juta adalah dari luar negeri, manakala \$838 juta daripada dalam negeri.

Kajian yang teliti adalah dibuat untuk menentukan bahawa sesuatu projek yang akan dilaksanakan oleh badan-badan berkenaan adalah viable dan badan-badan ini berkeupayaan untuk membuat pembayaran balik bagi pinjaman yang diperolehinya.

Pinjaman-pinjaman hanya diluluskan bagi projek-projek yang didapati viable dan mendatangkan faedah kepada negara pada keseluruhannya.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Timbalan Menteri Kewangan menerangkan daripada jumlah hutang \$3,856 juta tadi, berapa banyakkah telah diselesaikan bayaran balik dan berkenaan dengan badan-badan berkanun yang meminjam ini, bolehkah disebutkan dua-tiga nama badan berkanun yang besar-besar yang meminjam dan sebanyak mana yang telah dipinjam dan untuk projek-projek apa?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon notis berkenaan soalan ini kerana saya tidak ada angka-angka yang tepat.

SISTEM KONTRAK KERAJAAN—KAEDAH

4. Dr Koh Tsu Koon minta Perdana Menteri memberitahu bilakah Kerajaan bercadang kembali semula kepada sistem pemberian kontrak terbuka yang lama. Apakah kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam sistem-sistem tender turnkey dan berunding (negotiated) yang telah membawa kepada Kerajaan membuat perubahan ini. Adakah projek-projek utama yang telah dijejaskan oleh sistem-sistem tender turnkey dan berunding dan berapa banyak wang telah kerugian akibat kegunaan sistem-sistem ini.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelaskan terdapat dua kaedah pelaksanaan projek yang Kerajaan gunakan dalam melaksanakan projek.

Kaedah tersebut ialah kaedah konvensional dan kaedah turnkey. Di bawah kaedah konvensional, pihak perunding membuat rekabentuk, menyelia kerja-kerja pembinaan projek dan bertanggungjawab untuk memanggil tender bagi projek yang berkenaan.

Manakala di bawah kaedah turnkey pula urusan rekabentuk, pelaksanaan pembinaan, pembekalan dan penyeliaan kerja adalah menjadi tanggungjawab kontraktor yang dipilih. Bagaimanapun, dari segi proses penenderan kedua-dua pelaksanaan ini adalah sama ada pelaksanaan secara konvensional atau turnkey dibuat melalui tender terbuka atau tender terhad ataupun tender rundingan.

Oleh yang demikian, soal bagi Kerajaan kembali kepada mana-mana kaedah di antara dua ini, sebenarnya tidak timbul oleh kerana kedua-duanya adalah digunakan oleh Kerajaan, bergantung di atas keadaan yang difikirkan sesuai bagi salah satu daripada kaedah itu digunakan untuk memberikan manfaat yang lebih.

Mengenai pertanyaan tentang kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam kaedah turnkey, saya suka menyatakan bahawa pada keseluruhannya pelaksanaan kaedah ini memuaskan.

Projek-projek yang telah dilaksanakan secara turnkey adalah lebih kompetitif dari segi harga di samping memberikan prestasi dan pencapaian yang memuaskan. Projek-projek tersebut juga dapat disiapkan dalam tempoh masa mengikut jadual dan lebih pendek daripada masa yang sepatutnya dikehendaki di bawah kaedah konvensional. Bagaimanapun, oleh kerana projek-projek yang dilaksanakan di bawah turnkey ini adalah besar dan rumit, maka adalah didapati hanya kontraktor-kontraktor besar sahaja yang berupaya menyertainya dan ini menjejaskan pembahagian kontrak-kontrak yang dianggap lebih adil.

Berkaitan dengan soalan Ahli Yang Berhormat tentang bilangan projek-projek utama yang terjejas oleh kaedah pelaksanaan secara turnkey

ini, saya sukalah menyatakan setakat ini tidak ada projek-projek utama yang terjejas akibat kaedah pelaksanaan projek secara turnkey tersebut.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:
Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin bertanya kepada beliau cara manakah pembayaran-pembayaran pihak Kerajaan kepada projek-projek turnkey yang telah dilaksanakan, adakah pembayaran itu secara tahunan atau bagaimana?

Soalan yang kedua, projek-projek turnkey yang telah kita laksanakan dalam segi persen, bunga ataupun komisyen yang dibayar oleh Kerajaan kita kepada pihak-pihak yang berkenaan, berapa persenkah ataupun memandangkan kepada projek-projek yang tertentu tidak sama persen-persennya yang mesti dibayar iaitu interest-interest yang tertentu.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:
Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan yang pertama mengenai pembayaran itu disebutkan di dalam perjanjian dan pembayaran juta dibuat mengikut tahap kemajuan.

Soalan yang kedua, saya kurang faham.

Timbalan Yang di-Pertua: Kurang jelas Ahli Yang Berhormat, sila ulangi.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:
Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua iaitu berapa persenkah interest yang mesti dibayar oleh pihak Kerajaan terhadap projek-projek turnkey tadi sebab pembayaran itu memakan masa iaitu tidak dibayar dengan secara sekali gus dibayar, dengan cara beransur-ansur, kemudian berapa persenkah interest yang dimestikan atau yang ditetapkan

ataupun memang tak ada interest langsung terhadap pembayaran yang mesti kita bayar itu?

Dato Mohamed Khalil Yaakob:

Tuan Yang di-Pertua, barangkali apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah dari segi pembayaran Kerajaan kepada harga tender, itu mengikut kemajuan dan dari semasa ke semasa kita membuat pembayaran, tetapi dari segi persen interest ini barangkali tergantung kepada kontraktor yang meminjam daripada bank-bank, pembayaran interest itu mungkin kepada punca pinjaman, bukan Kerajaan kepada kontraktor ataupun sebaliknya.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, beliau ada mengatakan dua sistem untuk menjalankan kontrak, yang pertama ialah sistem konvensional, yang kedua iaitu sistem turnkey. Saya ingin bertanya kepada beliau dari segi sistem konvensional adakah lebih baik daripada sistem yang kedua, oleh sebab bagi sistem konvensional itu kita boleh melantik pakar-pakar perunding untuk menyelia kontrak-kontrak dan kalau kontraktor-kontraktor tidak mematuhi atau tidak menjalankan tugas mereka dengan sebaik-baiknya, kita boleh mendapat tahu. Adakah pihak Kerajaan bercadang menggunakan sistem konvensional pada masa yang akan datang?

Soalan yang kedua ialah bagi pembayaran untuk turnkey project adakah projek-projek yang telah dijalankan, yang diberikan kepada kontraktor yang besar sekali, adakah dari segi pembayaran kita memerlukan mereka bagi peluang kepada kita menggunakan pembayaran melalui counter-trade, bukan setakat bagi wang tunai sahaja.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama, mana yang lebih baik sama ada sistem konvensional ataupun sistem turnkey ini terpulanglah kepada maksud.

Saya sudah menjelaskan tadi sekiranya kita berkehendakkan projek itu cepat dan kita tak hendak dia tergendala, biasanya kita memilih sistem turnkey ini oleh kerana kita mendapat pilihan daripada kontraktor-kontraktor yang ada jaminan.

Bagi jawapan soalan yang kedua dari segi pembayaran kepada projek-projek turnkey ini, ini juga terpulanglah kepada jumlah harga kontrak dan perkara ataupun cadangan mengenai pembayaran secara counter-trade itu biasanya dibuat sekiranya kontraktor yang berkenaan itu merupakan kontraktor daripada luar negara dan sebagainya dan ini juga merupakan cara baru sebagai cadangan hendak mengatasi masalah pelaksanaan projek.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Yahya bin Haji Zakaria.

[Soalan No. 5 Y.B. Tuan Yahya bin Haji Zakaria tidak hadir]

KAKITANGAN KEMAS DI SARAWAK

6. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) jumlah kakitangan KEMAS di Negeri Sarawak yang telah ditamatkan perkhidmatan mereka mulai Januari 1982;
- (b) mengapakah perkhidmatan mereka ditamatkan; dan

- (c) kelayakan dan kelulusan pelajaran seorang pegawai untuk jawatan Penyelia Kanan KEMAS di dalam daerah.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid) Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah kakitangan KEMAS yang ditamatkan perkhidmatan sejak bulan Januari 1982, di Negeri Sarawak cuma seorang sahaja iaitu Penyelia Kanan di Pejabat KEMAS Negeri Sarawak.

- (b) Perkhidmatan beliau telah ditamatkan pada 31hb Disember, 1984 atas sebab-sebab kesihatan di mana beliau selalu uzur dan tidak dapat menjalankan tugas seperti yang amanahkan dengan sempurna.

- (c) Jawatan Penyelia Kanan KEMAS sama ada di peringkat Negeri ataupun daerah adalah jawatan kenaikan pangkat bagi Penyelia KEMAS. Oleh yang demikian syarat-syarat kelulusan akademik adalah sama dengan syarat-syarat kelayakan bagi peralihan Penyelia. Di antara syarat-syarat tersebut ialah:

- (a) (i) Calon-calon berkenaan mestilah terdiri daripada Warganegara Malaysia.
- (ii) Berusia tidak kurang daripada 21 tahun; dan mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta 3 tahun pengalaman dalam kerja-kerja kemasyarakatan; atau
- (iii) Pemaju-pemaju Masyarakat yang sedang

berkhidmat tidak kurang daripada 6 tahun dan memiliki sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

- (iv) Ahli-ahli pertubuhan sukarela hendaklah tamat persekolahan Tingkatan III dan mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja kemasyarakatan serta berkecimpung dalam pertubuhan berkenaan selama tidak kurang daripada 5 tahun; dan

(2) Pemohon hendaklah mempunyai tubuh badan yang sihat. Di samping itu syarat-syarat kenaikan pangkat seseorang Penyelia ke jawatan Penyelia Kanan pula ialah seperti berikut:

- (i) Seseorang Penyelia yang telah berkhidmat berterusan selama tidak kurang daripada 3 tahun; dan
- (ii) Diperakukan oleh Ketua Jabatan dari segi prestasi kerja, sikap serta sifat-sifat kepimpinan.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop
Majlis: Tuan Pengerusi, saya ingin membuat pertanyaan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu:

Yang pertama sekali memandangkan jawatan Penyelia dan Pemaju KEMAS ini merupakan satu jawatan yang diminati pada hari ini dan juga mempunyai tanggungjawab yang agak berat, yang diarahkan oleh pihak Kementerian. Jadi adakah pihak Kementerian mencadangkan supaya setiap tingkatan jawatan iaitu Penyelia Kanan, Penyelia dan juga Pemaju ini dibuat satu garis untuk menentukan

kedudukan gaji masing-masing iaitu berdasarkan kelulusan di dalam pemilihan jawatan-jawatan tersebut.

Yang kedua, apakah tindakan yang telah dibuat oleh pihak Kementerian ataupun pihak KEMAS terhadap beberapa orang Penyelia ataupun Pemaju yang diberhentikan akibat daripada kemalangan ataupun keuzuran, kerana apa yang berlaku mereka ini diberhentikan oleh kerana jawatannya dilantik dari setahun ke setahun. Jadi adakah pihak KEMAS ataupun Kementerian Pembangunan Negara dan luar bandar memberikan sagu hati ataupun mengenang jasa kepada perkhidmatan mereka yang terlibat seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat:

Yang pertama, kita memang sedar bahawa tanggungjawab Penyelia-penyelia KEMAS dan juga Pemaju-pemaju Masyarakat amatlah berat dan mustahak. Untuk memberi jawapan itu, saya mohon kepada Tuan Yang di-Pertua kerana jawapannya amat panjang, saya mohon supaya menjawab dengan secara bertulis bagi soalan yang pertama.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Soalan yang kedua, kita memang mempunyai syarat-syarat perkhidmatan sebagaimana yang telah ditetapkan dalam syarat-syarat perkhidmatan mereka sebelum mereka menerima tawaran-tawaran daripada Kementerian seperti masalah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu berkenaan kemalangan, kita ada menetapkan bahawa kita akan membayar pampasan kepada mereka yang mendapat kemalangan itu. Walau

bagaimanapun kita terpaksa dari masa ke semasa memberi satu garis panduan kepada kemalangan-kemalangan yang akan dihadapi oleh Penyelia-penyelia Masyarakat itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita ada syarat-syarat untuk memberi sebarang pampasan kepada mereka yang mendapat kemalangan.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada pegawai-pegawai KEMAS terutamanya Penyelia-penyelia ini, adakah mereka ini kakitangan yang diambil secara kontrak, sekiranya secara kontrak, berapa lamakah kontrak mereka ini diambil umpamanya setahun sekali, dua tahun atau tiga tahun. Sekiranya tidak, adakah mereka ini diambil secara berpenjen dan tetap dan kategori mana dimasukkan; dan

Keduanya, berapakah gaji permulaan pegawai-pegawai Penyelia KEMAS ini?

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum jawatan Pemaju-pemaju Masyarakat dan juga Penyelia-penyelia Masyarakat ini adalah jawatan-jawatan yang bertaraf kontrak dan ia hendaklah dibaharui di sambung ataupun dilanjutkan dalam masa 2 tahun ataupun dua bulan sebelum penamatan kontrak itu ditamatkan.

Bagi gaji Penyelia-penyelia ini saya juga mempunyai senarai yang begitu panjang Tuan Yang di-Pertua, dan juga saya memohon supaya saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu secara bertulis terlalu panjang, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah.

SEKOLAH LUAR BANDAR— MEMPERBAIKI

7. **Dr Leo Michael Toyad** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa banyakkah peruntukan yang telah diketepikan dalam Rancangan Malaysia Kelima untuk memperbaiki sekolah-sekolah luar bandar yang telah rosak dan buruk. Dan adakah langkah yang dicadangkan untuk mengambil alih sekolah-sekolah rendah yang masa kini dijalankan secara bantuan dan di mana hakmilik sekolah itu masih dipegang oleh Majlis-majlis daerah tempatan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang ada mencadangkan projek-projek gantian bagi sekolah-sekolah yang memerlukan untuk Rancangan Malaysia Kelima. Walau bagaimanapun cadangan tersebut masih dalam kajian agensi-agensi Pusat. Kementerian Pelajaran tidak ada rancangan untuk mengambil alih sekolah-sekolah rendah yang masakini dijalankan secara bantuan, bagi sekolah-sekolah di mana hak milik sekolah itu masih dipegang oleh Majlis-majlis Tempatan, kedudukan hakmilik sekolah tersebut masih tidak berubah.

PENDATANG HARAM VIETNAM DI PULAU BIDONG

8. **Wan Ibrahim bin Wan Abdullah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(a) apakah langkah positif yang dilakukan oleh Kerajaan dalam usaha mengosongkan Pulau Bidong daripada terus diduduki dan didatangi oleh pelarian/pendatang haram Vietnam selain daripada menunggu negara-negara ketiga mengambil mereka; dan

(b) berapa ramaikah di antara pelarian/pendatang haram Vietnam itu yang meminta di hantar pulang ke negara mereka atau adakah di antara mereka yang pulang sendiri atau hilang daripada pusat pelarian itu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada rancangan untuk menutup Pulau Bidong sebagai Kem Penempatan Sementara pendatang haram Vietnam atau berpindah ke tempat lain selagi saki-baki pendatang haram Vietnam masih berada di negara ini. Kem ini akan segera ditutup apabila kesemua pendatang haram Vietnam dipindahkan ke negara ketiga dan pendaratan baru pendatang haram Vietnam tidak berlaku lagi.

Setakat ini seramai 34 pendatang haram Vietnam telah memohon untuk dihantar pulang ke negara asal mereka dan 8 orang daripada mereka telah pun pulang ke Vietnam. Seramai 19 orang pendatang haram Vietnam menarik balik permohonan mereka untuk kembali ke negara asal mereka dan telah dipindahkan ke negara-negara ketiga. Hanya 7 permohonan sedang menunggu keputusan dari Kerajaan Vietnam. Sementara itu 9 orang pendatang haram Vietnam berjaya melarikan diri dari Pulau Bidong dan dipercayai telah pulang ke negara asal mereka.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri tadi di antara pendatang-pendatang haram ini tidak bersefahaman, bergaduh sama sendiri iaitu berpuak-puak. Adakah ini benar? Yang kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar adakah terdapat dari mereka, ini menjadi spy ataupun pengintip Vietnam kepada negara kita atau kepada negara ketiga apabila dihantar nanti?

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah jika terdapat segolongan manusia sebegitu banyak seperti di Pulau Bidong terdapat lebih kurang 5,974 orang, pergaduhan akan berlaku. Walau bagaimanapun kita mempunyai pegawai-pegawai yang bertugas di sana sepanjang masa terdiri daripada anggota daripada RELA, Polis dan juga Penjara, maka dari semasa ke semasa walaupun timbul keadaan yang tidak begitu diingini dapatlah dikawal dengan rapi oleh pasukan-pasukan keselamatan kita.

Tentang soalan yang kedua, tidak ada bukti sekarang ini menunjukkan mereka yang datang masuk ke sini terdiri daripada mereka-mereka yang dianggap spy seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa Pulau Bidong ini tidak akan ditutup sebagai pusat transit pendatang haram Vietnam sehinggalah tidak ada lagi pendatang haram Vietnam ini datang ke negara kita dan semua pendatang-pendatang haram itu yang ada di Pulau Bidong dipindahkan ke negara ketiga. Soalan saya bilakah kita boleh dapat keadaan yang macam itu bahawa pendatang haram daripada Vietnam terus tidak akan datang dan negara-negara ketiga akan mengambil semua pendatang-pendatang haram yang ditempatkan di pusat transit di Pulau Bidong itu?

Jadi soalan yang keduanya pada tahun ini berapa ramai pendatang-pendatang haram yang masuk ke negara kita dan ditempatkan di Pulau Bidong dan berapa ramai yang diambil oleh negara ketiga dan apakah usaha-usaha supaya pengambilan mereka ini ditingkatkan? Tidakkah kita menetapkan satu tarikh kepada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan

misalnya kepada UNHCR dan negara-negara yang ketiga supaya diberikan satu tarikh akhir tentang penggunaan Pulau Bidong sebagai pusat transit pendatang haram dan tidakkah juga kita mengenakan syarat kepada pihak yang berkenaan itu supaya pengambilan orang-orang Vietnam yang hendak ke negara-negara ketiga itu tidak dibuat melalui negara kedua seperti pusat di sebagai negara kita ini tetapi diambil terus daripada negara mereka? Terima kasih.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya jawab tadi amatlah sukar bagi kita menentukan bilakah masanya akan sampai apabila pendatang haram daripada Vietnam tidak akan datang ke negara kita dan bilakah kita akan tutup Pulau Bidong. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kita mempunyai pertalian persahabatan yang baik dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations) dan juga negara-negara yang berdekatan dengan negara kita. Jadi tidak bolehlah saya hendak menjawab bila, terpulanglah kepada perundingan yang sedang dijalankan sekarang ini, hasil daripada lawatan beberapa wakil daripada Amerika Syarikat yang sekarang bersidang di-Geneva untuk menentukan procedure dan method, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, menentukan Vietnam tidak akan melepaskan keluar begitu ramai rakyat mereka, mungkin akan didesak negara Vietnam untuk menjalankan satu tindak tanduk yang lebih tersusun lagi supaya mereka boleh dikeluarkan sepertimana yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi itu ke negara-negara ketiga terus.

Tentang berapa ramai pendatang haram semenjak tahun ini, tidak dapatlah saya menjawab dengan jelasnya kerana saya tidak ada butirnya. Walau bagaimanapun inginlah saya membacakan bahawa

semenjak kedatangan ke negara kita pendatang-pendatang haram seramai 204,219 orang telah mendarat di negara kita dan seramai 198,512 orang telah dihantar ke negara ketiga. Buat masa sekarang hanya terdapat 8,488 orang ditempatkan di Pulau Bidong dan juga di Kem Sungai Besi. Tindak tanduk seperti juga yang telah saya menjawab soalan yang pertama tadi terpulang kepada wakil daripada Amerika Syarikat dan juga kita telah menggesa negara-negara ketiga seperti Amerika Syarikat menggunakan usaha mereka supaya menggalakkan negara-negara ketiga menerima pendatang-pendatang haram yang ditempatkan di negara kita dengan lebih banyak lagi. Buat masa sekarang ini negara Amerika merupakan negara yang nombor satu yang menerima begitu banyak pendatang-pendatang haram daripada negara kita iaitu 117,000 dihantar ke Amerika Syarikat, 37,772 ke Australia dan 24,690 ke Canada, malangnya negara-negara di Eropah tidak menunjukkan minat yang begitu menggalakkan dan hanya France, German Barat dan Austria sahaja yang menerima 1,000 ke 2,000 orang.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa negara kita Malaysia bertanggungjawab untuk membuat sumbangan kepada masyarakat antarabangsa ke atas masalah pelarian bukan pendatang haram, dan jika ia, mengapakah kita menganggap mereka sebagai pendatang haram? Pendatang haram adalah individu-individu yang melanggar Undang-undang Imigresen kita dan pelarian adalah mangsa-mangsa peristiwa politik antarabangsa yang mereka tidak kawal, mengapakah demikian?

Yang kedua, adakah benar bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini berjumpa dengan tokoh-tokoh politik di Amerika Syarikat tentang pengambilan pelarian Vietnam dari

Malaysia, dan jika ya, apakah hasil daripada perundingan ini?

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab soalan yang pertama semalam juga iaitu kita mengiktiraf mereka yang datang daripada Vietnam sebagai pendatang haram. Dahulunya betul kita mengiktiraf mereka sebagai pelarian daripada negara Vietnam. Sekarang mengikut persetujuan yang telah dicapai kita mengiktiraf mereka sebagai pendatang haram walaupun mereka dikawal dengan rapi oleh pihak keselamatan kita.

Tentang perbincangan yang diadakan baru-baru ini, saya telah menjelaskan tadi kita masih menunggu hasil daripada lawatan wakil-wakil daripada Amerika Syarikat yang sekarang bersidang di Vienna tentang langkah-langkah yang akan diambil untuk bukan sahaja menggalakkan negara-negara asing tetapi bahkan mengambil begitu banyak lagi pendatang haram yang saki-bakinya masih ada di negara kita.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa negara-negara ketiga ini mengambil orang-orang pelarian secara memilih, mereka pilih yang ada profesion akademiknya seperti doktor, engineer dan juga yang cergas, yang kuat dan ditinggalkan yang bodoh, yang tua, yang tidak berupaya? Jadi apa akan jadi kepada mereka yang tidak diambil ini, adakah kita akan hantar atau kita akan gunakan dalam negara kita?

Yang kedua, satu lagi adakah tempat-tempat lain selain daripada Pulau Bidong ini tempat-tempat yang menjadi perkhemahan sebagai alternatif kepada Pulau Bidong di negara-negara lain seperti di Filipina

ataupun di Hong Kong ataupun Indonesia ataupun Thailand sendiri.

Kalau ada, apakah kita minta supaya Tentera Laut Di Raja ini elakkan mereka itu, elakkan supaya pergi ke tempat lain jangan singah di tempat kita. Nampaknya banyak sangat di tempat kita. Jadi apakah tindakan yang akan dilakukan?

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah diakui bahawa jika sesebuah negara diberi pilihan untuk menerima orang baru menjadi warganegarannya, negara itu mesti memilih orang yang cerdik, yang ada profesion yang tinggi dan seterusnya tidak yang bodoh. Walau bagaimanapun adalah menjadi persetujuan yang telah diakui oleh semua negara bahawa negara Malaysia tidak akan dibebankan dengan saki baki pendatang-pendatang haram baik yang bodoh ataupun yang cerdik. Jadi kita akan terus menerima mereka dengan harapan satu hari kelak semua mereka akan dihantar ke negara-negara ketiga.

Untuk menjawab soalan yang kedua, amatlah sukar bagi saya menjawab kerana kita tidak mengadakan satu strategi untuk mengelakkan mereka dengan menggunakan perkhidmatan Tentera Laut Di Raja Malaysia kerana kita mensifatkan mereka sebagai pendatang haram dan terpaksa menerima atas dasar perikemanusiaan dan tidak mungkinlah kita akan berbuat demikian sepertimana yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, nampaknya harapan Pulau Bidong kosong daripada pendatang-pendatang haram adalah tipis

(gambaran daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi). Saya ingin mendapatkan penjelasan apakah Kerajaan bercadang untuk membawa masuk pendatang haram ke dalam masyarakat Malaysia supaya mereka boleh kenal kebudayaan dan cara hidup di dalam negara ini dan akhirnya kita menjadikan mereka sebagai warganegara, apatah lagi bila memandangkan yang pendatang haram itu mungkin sudah ramai yang beranak-pinak di Pulau Bidong itu sendiri, ertinya sudah menjadi anak watan Pulau Bidong. Adakah Kerajaan bercadang untuk merangka sesuatu memandangkan harapan untuk mengosongkan Pulau Bidong nampaknya tipis sekali.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada cadangan daripada Kerajaan untuk menerima pendatang-pendatang haram baik yang datang ataupun yang dilahirkan di sini sebagai warganegara Malaysia. Soalan ini tidak timbul dan kita tidak akan menerima mereka.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, semenjak kedatangan pendatang haram seramai 2,918 telah dilahirkan di negara kita dan seramai 303 orang telah meninggal dunia dan mereka yang dilahirkan dicopkan di atas surat kelahiran mereka angka yang begitu besar iaitu pendatang haram dan mereka diiktiraf sebagai pendatang haram.

Pulau Bidong, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat memanglah kosong dahulu, sebenarnya tidak ada orang yang duduk di Pulau Bidong apabila mulanya datang pendatang haram. Kerajaan menggunakan Pulau Bidong dengan kerjasama United Nations membekalkan air dan bahan-bahan bekalan asas untuk pendatang haram duduk di Pulau Bidong tetapi tidaklah boleh digunakan untuk nelayan kita hanya kepada kawasan 200 hela daripada pantai pulau itu.

**BANK DUNIA—
PINJAMAN KERAJAAN**

9. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah pinjaman yang sudah diberi oleh Bank Dunia kepada Kerajaan Persekutuan semenjak tahun 1965 hingga sekarang dan berapakah nilainya;
- (b) dalam sepanjang tahun 1984, berapa banyakkah pinjaman yang telah diluluskan kepada Kerajaan Persekutuan dan kepada projek apakah peruntukan itu dicadangkan; dan
- (c) bagaimanakah kedudukan bayaran balik oleh Kerajaan Persekutuan kepada pinjaman tersebut.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga 30hb Jun, 1985 Bank Dunia telah meluluskan sejumlah 60 pinjaman bernilai M\$4,425.72 juta kepada Malaysia bagi membiayai projek-projek pertanian, sosial infrastruktur dan industri. Daripada jumlah tersebut, sebanyak \$3,107.43 juta atau kira-kira 70% adalah merupakan pinjaman langsung kepada Kerajaan Malaysia, manakala bakinya sebanyak \$1,318 adakah pinjaman-pinjaman kepada Badan-badan Berkanun dengan dijamin oleh Kerajaan kita.
- (b) Pada tahun 1984, Bank Dunia telah meluluskan hanya satu pinjaman berjumlah M\$176.92 juta (US\$70.0 juta) kepada Lembaga Letrik Negara dengan jaminan oleh Kerajaan negara kita. Pinjaman ini ialah untuk

membiayai Projek Kuasa Kesebelas yang bertujuan untuk mengukuhkan sistem talian penghantaran bekalan elektrik bagi menambahkan bekalan elektrik di kawasan luar bandar terutama di negeri-negeri Kelantan, Trengganu, Pahang, Kedah, Johor dan Perlis.

- (c) Setakat 30hb Jun, 1985 Kerajaan Malaysia telah membayar balik pinjaman sebanyak M\$904,172,631.54 kepada Bank Dunia. Daripada jumlah ini sebanyak M\$504,715,660.84 merupakan bayaran balik bagi pinjaman terus kepada Kerajaan Malaysia, manakala bakinya adalah bagi pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan negara kita.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kadar faedah yang dikenakan oleh Bank Dunia bagi pinjaman-pinjamannya kepada Kerajaan Malaysia?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, kadar faedah ini berbeza-beza dari satu pinjaman dengan satu pinjaman yang lain, ertinya tidak ada kadar faedah yang tetap—yang satu.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah benar sebelum tahun 1984 Kerajaan segan meminta pinjaman dariapda Bank Dunia, sebab kriteria-kriteria untuk pinjaman di bawah Bank Dunia tidak disetujui oleh Kerajaan.

Dato Sabaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar.

**BANK BUMIPUTRA MALAYSIA
BERHAD TAWAU—PINJAMAN**

10. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa beberapa aduan polis telah dibuat oleh orang awam terhadap Bank Bumiputra Malaysia Berhad Tawau yang mendakwa bahawa amalan-amalan curang telah berlaku dalam satu pinjaman bernilai \$1 juta dan jaminan bank bernilai \$100 juta yang diberikan kepada orang-orang tertentu yang mempunyai pertalian politik; jika ya, nyatakan nama orang-orang tersebut dan apakah tindakan yang akan diambil dalam perkara ini.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar tentang perkara yang disebutkan atau pun ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan ini. Pihak Bank Bumiputra Malaysia Bhd. juga tidak mempunyai sebarang maklumat yang menunjukkan bahawa terdapat amalan kecurangan ke atas pinjaman bernilai \$1 juta ini. Rekod-rekod yang ada juga menunjukkan bahawa pihak Bank Bumiputra Malaysia Bhd tidak pernah memberi jaminan bank yang bernilai \$100 juta itu kepada mana-mana orang yang mempunyai pertalian politik seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Sandakan ini. Sementara Bank Bumiputra Cawangan Tawau juga tidak menerima sebarang maklumat tentang aduan polis yang dibuat oleh orang ramai berhubung dengan perkara ini.

**PELAJARAN SEJARAH
TANAH AIR DI SEKOLAH**

11. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) mata pelajaran di sekolah-sekolah di zaman ini sudah tidak ada lagi suatu mata pelajaran

sejarah tanahair dan pejuang-pejuang tanahair di zaman yang silam seperti sejarah Hang Tuah, sejarah Perang Tok Janggut, sejarah Perang Tok Kaya Semantan dan sejarah Haji Abd. Rahman Limbong dan lain-lain lagi; apakah hasrat Kerajaan mahu melenyapkan sejarah-sejarah ini dan adakah ini satu sejarah yang patut disematkan sebagai satu mata pelajaran kepada generasi-generasi baru dan anak-anak hari ini; dan

- (b) apakah gambaran-gambaran rangka kasar mata pelajaran baru ke sekolah-sekolah yang dikatakan mata pelajaran kewarganegaraan yang disebut-sebutkan itu, adakah ia merupakan tarikh atau apa.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Pendidikan sejarah, khususnya sejarah tanah air dan sejarah perjuangan bangsa adalah penting untuk memupuk perasaan bangga dan semangat cintakan negara. Kesedaran dan kefahaman terhadap proses perkembangan bangsa dan negara melalui berbagai zaman dan peristiwa akan melahirkan kebanggaan dan identiti diri yang kuat. Aspek-aspek sejarah seperti ini akan terus diberi penekanan di dalam perancangan penggubalan kurikulum. Dalam KBSR (Kurikulum Baru Sekolah Rendah), unsur-unsur sejarah tanah air seperti peristiwa-peristiwa penting, ketokohan perkembangan ekonomi dan sosial dipelajari melalui mata pelajaran Alam dan Manusia. Mata pelajaran ini mula dipelajari di Tahun 4 dan wajib untuk semua murid.

Dalam perancangan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM), mata pelajaran Kajian

Kemasyarakatan, yang mengandungi Komponen Sejarah, akan diperkenalkan di peringkat Menengah Rendah. Pengkajian yang mendalam mengenai aspek-aspek sejarah tanah air dan pejuang-pejuang tanah air akan diteruskan. Di peringkat Menengah Atas pula, sejarah akan dipelajari sebagai satu disiplin bagi membolehkan pelajar-pelajar membuat pengkhususan dan kajian yang lebih mendalam lagi.

(b) Program Pendidikan Kewarganegaraan yang akan diperkenalkan, adalah satu usaha ke arah pembentukan ahli masyarakat dan warganegara Malaysia yang mempunyai sifat-sifat kerakyatan dan keperibadian selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara. Kandungan program kurikulum menekankan tiga aspek utama iaitu sejarah, kebudayaan dan pembangunan. Kurikulum ini dirancang bukan sahaja untuk membekalkan murid dengan pengetahuan mengenai masyarakat dan negara tetapi akan memberi pengalaman secara langsung ke arah pemupukan sikap dan sifat kerakyatan melalui pelbagai amalan dan aktiviti pembelajaran.

Bagi langkah jangka pendek program Pendidikan Kewarganegaraan akan dilaksanakan khusus untuk pelajar-pelajar Tingkatan 5 mulai tahun 1985. Melalui program ini pelajar-pelajar tersebut akan didedahkan kepada aspek-aspek penting mengenai kenegaraan, kemasyarakatan, dasar-dasar serta pencapaian usaha-usaha Kerajaan. Di antara aktiviti-aktiviti yang akan diadakan ialah ceramah, forum, pameran, tayangan filem dan nyanyian lagu-lagu patriotik.

Tuan Yang di-Pertua, bagi langkah jangka panjang pula iaitu untuk Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM), Pendidikan Kewarganegaraan akan diajar secara

formal sebagai satu mata pelajaran wajib. Pengajaran dan pembelajaran akan dijalankan melalui modul-modul belajar sendiri. Unsur-unsur kewarganegaraan juga akan diserapkan ke dalam semua mata pelajaran dan keseluruhan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum akan ditujukan kepada Pendidikan Kewarganegaraan.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa terdapat sejarah-sejarah yang telah ditulis oleh pihak-pihak yang tertentu seperti pihak Inggeris dan pihak Belanda adalah bercanggah dengan sejarah negara kita dan jika Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, apakah sejarah-sejarah tersebut akan ditulis semula oleh sejarahwan negara Malaysia kita sendiri?

Yang kedua, apakah galakan-galakan yang akan diberikan oleh pihak Kerajaan bagi memastikan penulisan-penulisan sejarah negara kita ini bertepatan dengan kehendak-kehendak negara kita sekarang?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah sedikit terkeluar sebab ini ialah mengenai sejarah, kerana apa yang saya perkatikan ialah pelajaran Sejarah di sekolah.

Namun demikian, ingin saya jelaskan mengenai soalan pertama iaitu Kerajaan memang sedar bahawa penulisan sejarah yang dibuat oleh pihak penjajah dahulu sama ada pihak British atau pihak Belanda memanglah dari kacamata mereka berlainan dengan apa yang ditulis oleh para sejarah tanahair kita sendiri dan memang kita menggalakkan penulisan semula sejarah ini supaya ianya ditulis mengikut kacamata pandangan kita sendiri supaya bersesuaian dengan

hasrat dan kehendak kita untuk menerapkan nilai-nilai ataupun perasaan cintakan tanahair di kalangan warganegara kita dan juga supaya kita menghayati akan perjuangan para pejuang-pejuang di masa lepas.

Untuk soalan yang kedua, saya rasa ini ialah di luar Kementerian saya walaupun kita sentiasa mengadakan peraduan dan sebagainya oleh pihak sekolah bagi pihak Kementerian Pelajaran untuk menarik minat, menanam minat di kalangan pelajar-pelajar untuk menulis sejarah dan sebagainya. Namun saya rasa banyak lagi pertubuhan-pertubuhan luar seperti Persatuan Sejarah Malaysia dan juga Arkib Negara dan sebagainya sentiasa memberi galakan kepada penulis-penulis sejarah untuk menentukan penulisan ini akan tepat, selaras dengan kehendak negara kita.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran. Mata pelajaran Kewarganegaraan iaitu tentulah rasa saya bersetuju untuk rakyat Malaysia merasai kemesraan kepada negaranya sendiri. Saya ingin bertanya adakah mata pelajaran yang sedang diatur itu iaitu menggambarkan seseorang rakyat Malaysia, tidak kira apa keturunan, supaya ia merasai ia bukan daripada kaum itu, misalan kalau Cina dia tidak merasai dia itu Cina, sebagaimana orang-orang Cina di Indonesia, kalau ditanya dia kata: Saya orang Indonesia. Dia tidak pula merasai dia Cina. Adakah mata pelajaran itu satu berhala kepada matlamat itu ataupun mata pelajaran itu hanya untuk seseorang itu merasai dirinya seorang warganegara yang maju, yang tercapai segala-galanya ataupun kepada matlamat apakah mata pelajaran itu disusun. Itu sahaja.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelaskan

bahawa apa yang telah saya sebutkan tadi mengenai mata pelajaran kewarganegaraan memang sudah cukup saya rasa. Namun demikian, saya pun kurang jelas mengenai perkataan "berhala" yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat. Adakah "berhala" itu "idol", sukanya sahaja, tetapi untuk orang Islam saya rasa tidak bolehlah kita hendak suka kepada "idol" ataupun "berhala". Bolehkah Yang Berhormat jelaskan "berhala" yang disebutkan itu?

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, "berhala" maknanya menghala [*Ketawa*] ataupun arah, bukan "berhala" makna "Tok Pekong". Jadi minta izin, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak terangkan perkara berhala ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah itu, Yang Berhormat. Penjelasan yang diberi itu saya rasa memadai, Yang Berhormat faham sekarang. "Berhala" ialah menghala! [*Ketawa*]

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Kalau itu tujuannya, terima kasih. Memang kita bertujuan ke arah pencapaian matlamat itu menentukan supaya kita mempunyai warganegara yang bertanggungjawab, yang seimbang, cintakan tanahair, yang bersatu-padu dan sebagainya, yang mengutamakan negara keseluruhannya. Sebagaimana juga dalam Sabda Rasulullah s.a.w.: *Khubul-watan-minal-iman*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Cintakan tanahair adalah sebahagian daripada iman. Itu untuk orang Islam, tetapi kita hendak untuk semua warganegara Malaysia tidak kira bangsa supaya mata pelajaran ini akan dapat dijadikan satu mata pelajaran ke arah pencapaian matlamat, menjadikan warganegara kita ini generasi muda yang akan datang yang mengambil tempat kita dan memimpin kita dan sebagainya, supaya menghala ke arah matlamat yang kita sebutkan supaya

mereka itu “Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung”. Itu kehendak kita juga.

PENGEKSPORT MALAYSIA DI PASARAN ANTARABANGSA

12. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kerajaan sedar akan kesan jangka panjang pertandingan ataupun persaingan yang terpaksa dihadapi oleh pengeksport-pengeksport Malaysia di pasaran antarabangsa dengan pengeksport-pengeksport negara maju yang mendapat subsidi daripada Kerajaan mereka, seperti negara Perancis dan Jepun; apakah usaha dan langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Oo Gin Sun): Kerajaan memang sedar tentang kesan jangka panjang kepada para pengeksport Malaysia akibat dari amalan perdagangan negara-negara maju seperti pemberian subsidi eksport kepada para pengusaha mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, amalan perdagangan seperti ini sebenarnya dibenarkan, tetapi hendaklah selaras dengan peruntukan, dengan izin, General Agreement on Tariff and Trade (GATT)—undang-undang yang mengawal perdagangan antarabangsa. Di sini terdapat peraturan khusus atau “Code” mengenai subsidi yang menggariskan beberapa peraturan untuk mengelak pemberian subsidi eksport yang akan memberikan “unfair advantage” kepada para pengeksport daripada negara-negara yang terlibat.

Dalam hubungan ini, Malaysia telah dan akan terus bersama dengan negara-negara lain, melalui forum GATT untuk memastikan soal

amalan perdagangan memberi subsidi eksport ini adalah selaras dengan peraturan GATT.

Selain daripada itu, Malaysia juga akan menggunakan hubungan secara dua-hala dengan negara-negara berkenaan supaya negara-negara tersebut mematuhi peraturan mengenai subsidi GATT supaya ianya tidak menjejaskan kepentingan eksport negara-negara membangun termasuk Malaysia.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada subsidi kepada eksport dan langkah Kerajaan dalam bidang perdagangan antarabangsa untuk menentang tarif dan sebagainya, satu cadangan yang dibuat oleh pihak Kerajaan 2,3 tahun lalu ialah kemungkinan untuk mengembangkan “Trading Houses”, dengan izin, seperti yang diadakan di Jepun, iaitu Sogoshosha. Ingin saya tahu apakah kemajuan telah dicapai dalam arahan ini dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu laporan kemajuan?

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, mengenai Sogoshosha “Trading Houses” itu, sekarang ini Kementerian saya ada “monitoring results” untuk menentukan ada atau tidak memuaskan kemajuan yang dicapai.

PROTON SAGA— PERATUS BAHAN TEMPATAN

13. Tuan Ling Sie Ming minta Perdana Menteri menyatakan pengeluaran kereta buatan Malaysia (Proton Saga), berapakah peratus bahan-bahan buatan tempatan; berapakah peratusnya adalah diimport dari negeri Jepun, sama ada benar Kerajaan menimbang bahawa pergantungan lebih kita kepada bahan-bahan buatan negeri Jepun akan menjadi Syarikat Jepun

memotongkan Syarikat negara kita. Setelah penyiapan projek ini, apakah keuntungan dan kerugian akan dibawa kepada negara kita ini.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat permulaan sebanyak 42% daripada komponen Proton Saga adalah daripada bahan-bahan buatan tempatan. Bakinya adalah diimport kerana komponen-komponennya tidak dapat diperolehi di dalam negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keuntungan yang akan diperolehi dari projek Kereta Nasional ini adalah seperti berikut:

- (i) dapat memberi faedah kepada pembangunan industri otomotif di negara ini, bahkan ianya akan membantu negara ke arah menjadi sebuah negara perindustrian;
- (ii) membangunkan industri pembuatan komponen dan penggunaan bahan mentah negara, seperti getah dan sebagainya, akan meningkat;
- (iii) memberi manfaat dari segi pemindahan teknologi dan peningkatan pengetahuan di dalam kejuruteraan; dan
- (iv) membantu ke arah pembangunan industri sokongan dan sampingan.

Puan Hajjah Wan Zainab binti M.A. Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, adakah benar barang alatganti Kereta Nasional, iaitu Proton Saga dimonopoli oleh Syarikat Mitsubishi sahaja dan tidakkah kita bercadang membuat alatganti oleh jenis buatan syarikat yang lain daripada Mitsubishi?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak benar apa yang diduga ataupun didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani itu. Barang-barang alatganti yang digunakan ini, seperti saya katakan tadi, 42% adalah dibuat daripada tempatan, daripada berbagai-bagai syarikat dan sebagainya. Memang sama sekali bukan menjadi tujuan Kerajaan untuk menjadikan pembekalan alat-alatganti ini satu monopoli di negara kita. Tujuan Kerajaan adalah untuk memberi peluang kepada bidang swasta dan badan-badan yang tertentu di negara kita ini seberapa luasnya untuk berkecimpung di dalam pembuatan alat-alatganti atau perkakas-perkakas Kereta Nasional kita ini.

PERISYTIHARAN DARURAT— PEMANSUHAN

14. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengambil langkah-langkah untuk memansuhkan keempat-empat Perisytiharan Darurat yang diisytiharkan masing-masing dalam tahun 1965 untuk Konfrantasi Indonesia, dalam tahun 1967 untuk menggulingkan Ketua Menteri Sarawak dari Parti SNAP, Kalong Ningkan, dalam tahun 1969 kerana kekacauan Mei 13 dan dalam tahun 1977 untuk menggulingkan Kerajaan PAS di Kelantan kerana sebab-sebab untuk mana Perisytiharan-perisytiharan tersebut diisytiharkan tidak wujud lagi, jika tidak, mengapa.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menjamin supaya keselamatan dan kestabilan negara sentiasa terkawal bagi membolehkan pembangunan berjalan dengan lancar demi kebahagiaan rakyat. Dalam hubungan ini, Kerajaan perlu mengemukakan

langkah-langkah pencegahan, dengan izin, "preventive measures" bagi mengekalkan keselamatan dan kestabilan negara dengan cara mengekalkan Ordinan-ordinan yang telah dibuat di bawah Peraturan-peraturan Darurat tersebut. Oleh itu, Kerajaan belum bercadang untuk membatalkan Perisytiharan-perisytiharan Darurat yang mana pembatalannya akan membawa implikasi kepada terhenti berkuatkuasanya Ordinan-ordinan tersebut.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kerajaan atau Kabinet satu proses untuk semasa ke semasa kaji sama ada Perisytiharan Darurat patut dilanjutkan?

Kedua, sejak Pilihanraya Besar tahun 1982 berapa kali Kabinet ada mengkaji perkara ini?

Ketiga, bukankah melanjutkan Perisytiharan Darurat untuk peristiwa-peristiwa atau keadaan-keadaan di mana perkara-perkara yang memutuskan Perisytiharan itu tak wujud lagi satu salahguna kuasa?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, perisytiharan yang dibuat ini tidak menunjukkan kesalahgunaan kuasa oleh kerana ia mempunyai maksud tertentu dalam rangka Kerajaan ingin melihat terjaminnya keadaan keselamatan dalam negara. Dalam hal ini juga dari semasa ke semasa sudah tentu Kerajaan senantiasa menilai dan mengawasi keadaan, sama ada hendak meneruskan perisytiharan ini atau tidak, seperti saya katakan tadi, Kerajaan telah memutuskan bahawa keadaan belum lagi memerlukan Kerajaan membatalkan atau terhentinya berkuatkuasa Ordinan-ordinan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5 dan 15 adalah diberi di bawah ini).

RANCANGAN SEKOLAH SEBAGAI INSTITUSI MASYARAKAT

5. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Menteri Pelajaran menerangkan garis panduan yang disediakan bagi menjayakan konsep sekolah menjadi sebagai Institusi Masyarakat.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Kementerian Pelajaran memang ada menyediakan satu garis panduan untuk menjayakan Rancangan Sekolah Sebagai Institusi Masyarakat. Walau bagaimanapun rancangan ini belum dapat dilaksanakan kerana ada beberapa aspek perundangan yang perlu diberi penelitian terlebih dahulu. Oleh kerana itu garis panduan untuk melaksanakan rancangan ini hanya akan diberikan apabila aspek perundangan yang berkenaan telah dikemaskinikan.

PENYAKIT AIDS

15. Dato Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh mana Malaysia dilanda penyakit Aids, berapa orang yang mengidap, bila penyakit ini dapat dikesan, dan siapa pembawanya.

Menteri Kesihatan (Dato' Chin Hon Ngian): Saya suka memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa sehingga hari ini tidak ada kes ataupun pembawa penyakit AIDS yang dikesan di Malaysia.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN, 1986**

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1986

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1986 dan Anggaran Pembangunan, 1986 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (*Hari Kelapan*).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Jawatankuasa)*

*Maksud B.28, B.29, B.30, B.31 dan
B.32 (Jadual)—*

*Maksud P.28, P.31 dan P.64
(Anggaran Pembangunan, 1986)—*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Ahli dari Jerai dijemput menyambung ucapan.

4.08 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Pengerusi, menyambung perbincangan saya semalam, sekarang saya akan masuk pula di dalam Maksud Bekalan B. 28, muka 152 di bawah Butiran 2, Program-program 2.1, 2.2 dan 2.3.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran Pengurusan dan Analisa Kewangan, kita dapati program-program yang diletakkan di bawah Butiran ini ialah bertujuan untuk dapat mengurus dan melaksanakan dasar-dasar kewangan serta menguntukkan ataupun mengurus dan mengawal sumber-sumber kewangan Kerajaan. Begitu juga

tentang Aktiviti-aktiviti Pengurusan Belanjawannya bertujuan untuk dapat memeriksa dan menganalisa segala rancangan dan program-program agensi-agensi Kerajaan bagi menentukan bahawa sumber-sumber kewangan di dalam negara kita ini dapat diuntuk dan digunakan dengan cekap, dengan berkesan dan menolong kepada pertumbuhan ekonomi negara pada keseluruhannya.

Saya rasa daripada program dan prestasi yang diharapkan daripada peruntukan yang dipohon yang nampaknya bertambah daripada peruntukan tahun-tahun yang lepas adalah satu harapan yang amat tinggi untuk dapat mencapai segala matlamat dan tujuannya. Dengan itu, suka saya mengambil kesempatan di sini untuk menekankan lagi supaya di dalam pelaksanaannya tidak seharusnya segala dasar ataupun segala polisi yang ditetapkan itu hanya tinggal di dalam kertas sebagai polisi atau dasar sahaja, tetapi di dalam pelaksanaan dan kecekapannya tidak sepertimana yang dikehendaki. Ini terbukti kepada laporan-laporan penyata-penyata yang dibentangkan oleh Ketua Audit Negara tentang masalah-masalah kecekapan perbelanjaan pengurusan dan sebagainya yang telah membangkitkan berbagai-bagai perkara dan kekeliruan, bukan sahaja dapat untuk menyelesaikan masalah tetapi menambah beban dan masalah-masalah yang tidak dapat diselesaikan dengan berlarutan.

Satu lagi yang ada di sini ialah tentang pengurusan kewangan hutang dan pelaburan. Ini juga adalah sama. Kalau kita lihat tentang tujuannya ialah untuk mendapatkan pinjaman-pinjaman yang diperlukan untuk membiayai projek-projek pembangunan sama ada Kerajaan, agensi-agensi Kerajaan dan juga melaburkan wang-wang Kerajaan

kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, kepada syarikat-syarikat separa Kerajaan dan juga kepada agensi-agensi Kerajaan sama ada Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Persekutuan. Ini saya rasa mungkin juga meliputi tentang pelaburan-pelaburan dan kewangan-kewangan yang diberikan kepada agensi-agensi di bawah OBA.

Apa yang menjadi masalah kepada kita boleh dikatakan dalam sepanjang-panjang perbincangan Belanjawan kita pada tahun ini kebanyakannya telah membangkitkan masalah OBA ini. Apa yang kita takut ialah sekiranya pengawasan, pengurusan dan penganalisaan yang ada di bawah tajuk ini tidak berkesan, kemungkinan sekali lagi peruntukan pinjaman ataupun pelaburan yang kita berikan kepada OBA akan merupakan sebagaimana kita memberikan raga kepada orang gila untuk menimba ataupun mengaut air kerana kita tidak mendapat apa-apa kesan. . . .

Tuan Pengerusi: Adakah perumpamaan macam itu, Yang Berhormat?

Tuan Ismail bin Arshad: Seperti kita beri raga ini, maksudnya Tuan Pengerusi, dikaut ataupun mengambil air dengan raga, air itu habis bocor dan tiris begitu sahaja. Ini maksud saya tentang perbelanjaan. Kalau tanpa pengurusan yang cekap, tanpa pengendalian yang wajar, sekali lagi akan sia-sia dengan peruntukan yang kita berikan.

Tambahan jika kita lihat pada keseluruhannya pada tahun 1986 ini bayaran hutang yang ditanggungkan oleh Kerajaan dalam Belanjawan 1986 lebih kurang \$5,000 juta dan kita dapati ini lebih kurang 27% daripada perbelanjaan pengurusan, berbanding dengan hasil pendapatan kita iaitu \$22,000 juta sahaja dan hutang ini termasuklah jumlah perbelanjaan OBA 1986 ialah sebanyak \$14,000 juta

daripada jumlah keseluruhan \$48,000 juta. Jadi, kalau sekiranya peruntukan yang begini besar kita berikan, kemudian kawalan kita tidak dapat menjaminkan harapan dan matlamat, pastilah seperti yang saya katakan tadi kita beri raga untuk mengaut air ataupun untuk mengisi air, bererti kebocoran akan berlaku pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Jadi, saya haraplah perkara ini akan mendapat perhatian yang serius daripada pihak Kementerian Kewangan dan juga Kerajaan supaya tidak akan berulang kali berlaku hal-hal yang seumpama ini.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, yang akan saya sentuh ialah tentang perkhidmatan dan kawalan kewangan dan saya khususkan kepada Program dan Aktiviti 3 dan 4 iaitu Pengurusan Kontrak dan Bekalan.

Ini satu lagi, Tuan Pengerusi, yang kita mengharapkan bahawa tujuannya untuk menentukan perolehan barangan-barangan perkhidmatan dan kerja-kerja dari semua aspek pengurusan bekalan, sama ada bagi Jabatan-jabatan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan untuk dapat barangan-barnagan yang wajar, perkhidmatan-perkhidmatan dan kerja-kerja serta nilai yang dijalankan memperoleh sepenuhnya daripada matlamat yang diharapkan.

Apa yang saya hendak sebutkan di sini sebagai menarik perhatian ialah tentang bekalan-bekalan dan kontrak-kontrak yang diberikan yang perlu mendapat perhatian sesungguhnya supaya kita tidak hanya membina yang telah besar, tetapi tidak dapat menolong yang sedang untuk mencari tapak mencari kejayaan.

Di dalam negara kita ini kebanyakan kontrak-kontrak untuk perbekalan-perbekalan dan sebagainya adalah di bawah Central Contract dan kadang-kadang kita

dapati apa yang menjadi peluang ataupun apa yang terpilih di dalam Central Contract ini hanya ditumpukan kepada orang-orang yang telah menjadi jutawan-jutawan. Jadi, apakah dasar negara kita dalam hal ini hanya untuk menghidupkan tujuh ataupun lapan orang jutawan-jutawan ataupun untuk mewujudkan tujuh ataupun lapan orang usahawan-usahawan yang telah pun kayaraya, yang telah pun menguasai perdagangan di seluruh negara ataupun di antarabangsa.

Pada pandangan saya, untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan, perlulah pihak Kementerian ini memberi perhatian dan pertimbangan untuk dapat kalangan yang baru muncul, terutamanya agensi-agensi yang mewakili lebih ramai ahli-ahli ataupun penyertaan di dalam agensi tersebut diberi keutamaan ataupun diberi peluang.

Misalnya, saya berikan contoh di sini, Tuan Pengerusi, mengenai kontrak baja untuk tahun 1986 yang diperuntukkan sebanyak 98 juta baja subsidi untuk petani-petani dalam negeri ini. Baja ini saya difahamkan akan diberikan kepada agensi-agensi yang tertentu untuk mengendalikannya. Apa yang saya harap biarlah agensi-agensi yang hendak diberikan ini ialah agensi-agensi yang benar-benar berkeupayaan dan agensi-agensi yang mempunyai unsur-unsur kepentingan sektor petani itu sendiri kerana tidak bermakna kalau sekiranya kepentingan kepada petani-petani kita beri kepada taukeh-taukeh ataupun pihak kompeni-kompeni ataupun agensi-agensi lain yang kayaraya bagi mengendalikan untuk kepentingan mereka. Di samping ini mereka juga dapat mengaut keuntungan yang berlipat ganda. Inilah yang saya harapkan supaya pihak Kementerian

Kewangan dalam mengendalikan urusan ini biarlah benar-benar memberi penilaian dan perhatian.

Di dalam negara kita ini agensi petani yang khusus, misalnya kalau di MADA, SPPM mengendalikan 65,000 keluarga tani yang menganggotai pertumbuhan-pertumbuhan peladang dan di dalam Syarikat SPPM mengendalikan perbekalan dan kemudahan-kemudahan untuk peladang sendiri. Kalau di KADA Kelantan iaitu SPPK merupakan syarikat yang mengendalikan urusan bagi mereka. Di luar daripada kawasan-kawasan tempat jelapang padi yang saya sebutkan ini NAFAS misalnya, adalah Pertubuhan Peladang Kebangsaan yang mengendalikan urusannya.

Apa yang saya harap juga ialah supaya agihan-agihan dan pemberian-pemberian ini biarlah menyeluruh dan tidak hanya diberikan kepada sesuatu agensi sahaja yang mana agensi-agensi itu belum tentu lagi dapat mengendalikan dengan sempurna ataupun wajar.

Begitu jugalah, Tuan Pengerusi, satu lagi yang saya hendak sentuh ialah berhubung dengan Central Contract kerana kebanyakan di negara kita ini kita tidak mahu sepertimana pemasaran dan perdagangan yang telah berlaku sekarang.

Saya telah berucap dalam Ucapan Dasar Belanjawan dahulu tentang perdagangan antarabangsa nampaknya kita masih lagi menggunakan saluran-saluran tradisional. Jadi, setelah kita merdeka 30 tahun ini, saya rasa wajar kita mengalih pandangan kita kepada mewujudkan pertumbuhan daripada kalangan-kalangan yang baru daripada kita memberikan agensi-agensi ataupun mereka yang menjadi tradisional, mengawal dalam pasaran-pasaran perdagangan di negara kita.

Itulah dua perkara, Tuan Pengerusi, saya harap akan mendapat perhatian Kerajaan dan perhatian Kementerian Kewangan sendiri dan saya percaya pada petang ini Timbalan Menteri Kewangan ada di depan saya ini dan saya percaya beliau juga adalah sependapat dengan pandangan yang saya berikan dan apa yang saya harap dapat beliau mengemukakan kepada pihak yang lebih bertanggungjawab supaya perkara ini dapat perhatian dan dilaksanakan.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya menyokong di atas permohonan peruntukan di bawah Kementerian ini yang telah dipohon itu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.20 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Maksud B.28, Butiran 1, Pentadbiran Am—Emolumen, khasnya emolumen Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Pengerusi, pada hari Isnin minggu ini Yang Berhormat Menteri Kewangan apabila menjawab satu soalan daripada rakan saya dari Seremban ada mengatakan bahawa bukan hasrat Kerajaan untuk mengemukakan Laporan Jawatankuasa Ahmad Noordin terhadap skandal BMF kepada Parlimen untuk perbahasan. Saya rasa ini merupakan satu usaha terbaru sistematik Kerajaan untuk mengelakkan daripada akauntabiliti publik dan Parlimen khasnya mengenai skandal BMF.

Saya mahu bertanya Yang Berhormat Menteri Kewangan mengapa Kerajaan begitu takut untuk mengemukakan Laporan Ahmad Noordin kepada Parlimen untuk dibahaskan. Sebenarnya

memandangkan bahawa begitu banyak wang yang terlibat iaitu \$2.5 billion dan satu jenayah yang besar yang diakui oleh Perdana Menteri sendiri bahawa sepatutnya apabila Laporan Ahmad Noordin disiapkan dan dikemukakan kepada pihak yang berkenaan, Bank Bumiputra dan Kerajaan, Parlimen harus dipanggil untuk mengadakan satu sidang yang khas untuk membahaskan Laporan ini. Inilah seruan parti DAP. Oleh kerana kita tidak boleh bagi pihak rakyat jadi cuai dan mengeneipkan satu skandal yang terbesar dalam sejarah banking dan finance di tanahair kita.

Tan Sri Ahmad Noordin baru-baru ini ada menunjukkan bahawa laporan akhirnya akan siap sedia pada bulan depan. Saya mahu meminta Yang Berhormat Menteri memberi satu jaminan kepada rakyat Malaysia apabila Laporan tersebut siap dan dikemukakan kepada pihak berkenaan, Kerajaan tidak akan lewat-lewat untuk mengumumkan Laporan itu kepada orang ramai supaya orang ramai boleh mendapat maklumat mengenai apa sebenarnya berlaku di dalam skandal BMF, dan selewat-lewatnya tidak patut membenarkan satu minggu selepas pembentangan Laporan itu untuk diumumkan Laporan kepada orang ramai.

Tuan Pengerusi, rakyat Malaysia ada cukup pengalaman menghadapi, dengan izin, “cover-ups” dan “half-truths” dalam perkara skandal BMF dan mereka adalah berhak meminta bahawa Kerajaan Malaysia janganlah lagi buat begitu dan lebih terbuka untuk akauntabiliti kepada rakyat mengenai skandal ini. Dalam awal bulan ini ada satu laporan yang sangat “disturbing” yang mengatakan bahawa pihak Hong Kong khasnya Setiausaha Kewangan Hong Kong, Sir John Bramridge, ada berkata bahawa beliau, dengan izin, “horrified” oleh

kerana kos yang begitu besar dalam semua siasatan Carrian dan mungkin Kerajaan Hong Kong perlu untuk menghentikan siasatan-siasatan untuk menjimatkan wang rakyat.

Pihak Kerajaan Hong Kong sudah membelanjakan \$14.5 juta dalam siasatan dan untuk perbicaraan Carrian untuk 6 bulan yang akan bermula di akhir Februari akan membelanja mungkin \$8.7 juta. Saya rasa pihak Kerajaan Malaysia patutlah menyampaikan kepada pihak Hong Kong concern Kerajaan Malaysia mengenai keengganan pihak Hong Kong untuk meneruskan siasatan Carrian oleh kerana apa yang terlibat ialah \$2.5 billion wang rakyat Malaysia termasuk pembunuhan Jalil Ibrahim, seorang pegawai kanan Bank Bumiputra dan juga mengenai integriti kakitangan pegawai-pegawai kanan dalam bidang kewangan dan banking.

Pemimpin-pemimpin Kerajaan termasuk Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga Peguam Negara sudah berapa kali berkata bahawa pihak Malaysia sanggup memberi apa-apa pertolongan kepada Hong Kong supaya boleh didakwa pesalah-pesalah.

Dalam konteks ini saya akan mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk memberitahu kepada pihak Hong Kong bahawa kalau masalah untuk meneruskan siasatan Carrian ialah kewangan, bahawa Malaysia rela untuk subsidise siasatan ini oleh kerana ini terlibat integriti kewangan rakyat Malaysia. Malaysia patut rela subsidise dan kita di pihak sini, ahli-ahli DAP rela menyokong peruntukan untuk subsidise siasatan Carrian oleh pihak-pihak Hong Kong supaya apa yang kita dapati daripada siasatan Carrian, kita boleh tahu apa yang berlaku dalam skandal BMF oleh kerana ini ada perhubungan dan kita tidak patut melepaskan apa-apa usaha

dan apa-apa belanjawan supaya skandal BMF semua ceritanya boleh dapat diketahui. Saya rasa perkara ini sangat malang kalau di Hong Kong keadilan boleh diukur dengan wang sahaja.

Tuan Pengerusi, perkara yang lain yang saya mahu sebut ialah mengenai analisa cukai yang ada dalam Program Urusan dan Analisa Kewangan yang termasuk Analisa cukai, bagaimana boleh dapat cukai dan lain-lain. Di sini saya mahu menyebut mengenai khasnya cukai petroleum. Saya tidak mahu sebut pengeluaran tetapi aspek cukai oleh kerana untuk Budget yang akan datang cukai petroleum sudah menjadi sebagai "linch pin" bagi Perbendaharaan untuk mendapat cukai tahun depan. Sebab itu sudah ada rancangan untuk menambah pengeluaran petroleum 18.6% ialah daripada 430,000 tong kepada 510,000 tong. Tetapi sangat malangnya sebulan selepas Budget dikemukakan, strategi revenue ini nampaknya sudah mendapat satu pukulan yang hebat khasnya dengan berita bahawa di tahun depan mungkin akan ada satu "free for all" di mana harga petroleum akan jatuh ke bawah US\$20 setong atau US\$15 setong dan baru-baru ini bekas Perdana Menteri dan juga Penasihat PETRONAS, Tun Hussein Onn telah berkata bahawa kalau harga jatuh ke bawah US\$24 setong, negara perlu untuk menambah lagi target pengeluaran daripada 510,000 tong untuk tahun depan supaya mendapat revenue petroleum oleh kerana Kerajaan begitu bergantung kepada revenue petroleum. Saya mahu bertanya sama ada kita akan sampai kepada satu tahap di tahun depan di mana untuk mendapat revenue petroleum kita akan melebihi pengeluaran 600,000 tong dalam tahun 1986.

Kita boleh ingat balik dalam bulan Disember, 1984 apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan

membuat pengumuman mengenai potongan pengeluaran 40,000 tong untuk memberi sokongan kepada OPEC, masa itu ada seorang dari PETRONAS yang berkata bahawa usaha ini, dengan izin, "by a small reduction now, we are making world news without contribution and are earning the gratitude of OPEC". Masa itu beliau pun ada berkata bagaimana tidak patut pengeluaran petroleum ditambah supaya dapat "maximum revenue" dalam masa yang tersingkat. Oleh kerana kalau buat begitu, lain-lain negara berikut termasuk negara-negara OPEC, harga minyak akan jatuh kepada US\$15 atau US\$10 setong. Dan bila ada masa, kita kata, dengan izin, "you will then have to produce twice or three times our present level of production to obtain them same level of revenue".

Nampaknya, sekarang tidak sampai, sekarang Kerajaan sudah buat. Apa PETRONAS, apa Kerajaan kata pada awal tahun ini tidak mahu buat. Inilah yang saya sangat hairan dan perlulah ada satu keterangan sama ada untuk mencapai strategi revenue bahawa semua larangan terhadap pengeluaran petroleum akan dibuang.

Tuan Pengerusi, lagi satu perkara ialah mengenai kawalan perbelanjaan. Kita semua tahu bahawa pada masa ini di mana Kerajaan menghadapi masalah kekurangan wang. Bahawa Kerajaan patut lebih berkesan supaya menahan belanjawan yang "prestigious", yang tidak perlu. Sungguhpun pihak Kerajaan dan pemimpin-pemimpin Kerajaan selalu berkata bahawa semua belanjawan yang tidak perlu akan diberhentikan, tetapi nampaknya semua cakap-cakap sahaja.

Baru-baru ini kita telah lihat lawatan-lawatan ke luar negeri. Sungguhpun dikatakan ialah untuk tarik perdagangan, sebenarnya jolijoli sahaja, sebenarnya "holiday".

Kalau saya tidak silap, dalam mesyuarat yang diadakan baru-baru ini, mesyuarat untuk semua Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri, ada pun saya dapati bahawa seruan dibuat "jimat wang," "jangan membazir wang," "jangan prestigious expenditure," tetapi selepas itu deligasi-deligasi pergi ke luar negeri. Deligasi lawatan diketuai oleh Ketua Menteri Melaka pergi Cairo, pergi Portugal, pergi Holland.

Bagaimana Kerajaan akan mendapat hasil untuk berhentikan belanjawan yang membazir kalau pemimpin-pemimpin baik di peringkat Federal ataupun di peringkat Negeri tidak mahu menunjukkan teladan.

Tuan Pengerusi, sebulan dahulu sebelum Budget, apabila kita bahas Rang Undang-undang Finance Company, saya ada kemukakan masalah Syarikat Setia Timur di mana lebih daripada 10,000 orang yang ada deposit wang dalam suatu syarikat yang tidak ada hak untuk menerima deposit. Masa itu Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kata bahawa pihaknya, Kementerian Kewangan dan Bank Negara ada mengambil perhatian yang berat tetapi sampai sekarang ini, 6 minggu, 7 minggu nampaknya belum ada apa-apa usaha-usaha, tindakan-tindakan yang konkrit diambil. Saya rasa inilah, saya harap bahawa Bank Negara, Kementerian Kewangan akan lebih dinamik, lebih efektif dalam usaha menjaga kepentingan orang ramai yang menjadi mangsa dalam usaha-usaha mereka yang tidak patut yang mengumpul wang-wang rakyat sebanyak \$50 juta-\$60 juta.

Tuan Pengerusi, dua tiga hari dahulu, Lapoan Ketua Audit Negara untuk Tahun 1982 telah dibentang dan saya lihat bahawa Laporan ini sebenarnya disiapkan oleh Ketua Audit Negara pada 30hb Jun, 1984. Sekarang ialah 22hb November, 1985.

Kenapa ada kelewatan 1½ tahun daripada penyediaan laporan Ketua Audit Negara kepada akaun-akaun 1982 sehingga pembentangan Laporan ini dalam Parlimen. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi satu jaminan bahawa Kerajaan tidak begitu incompetent, tidak begitu inefficient sehingga satu laporan yang begitu mustahak yang mengenai laporan akaun-akaun Kerajaan Persekutuan mahu mengambil 1½ tahun baru boleh sampai daripada Perbendaharaan kepada Parlimen, begitu jauh. Adakah begitu jauh? Saya harap bahawa satu peraturan boleh dibuat di mana selepas persiapan Laporan Ketua Audit Negara dalam satu bulan laporan itu dibentangkan dalam Parlimen ini supaya usaha-usaha yang akan diambil untuk membetulkan apa-apa teguran yang terkandung dalam laporan itu, boleh diambil dengan efektif dan bukan secara satu muzium, satu "historical document" tetapi kita mahu laporan ini menjadi satu dokumen contemporaneous, topical dan bukan historical. Kesalahan bukan pada Ketua Audit Negara tetapi Perbendaharaan, Kementerian Kewangan. Saya harap bahawa Kementerian Kewangan boleh menunjukkan satu teladan yang lebih efektif kepada lain-lain Kementerian, kepada lain-lain Jabatan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Batang Padang.

4.36 ptg.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahaskan dalam peringkat Jawatankuasa mengenai Kementerian Kewangan, muka surat 153, berkenaan dengan Skim Wang Pinjaman Perumahan.

Tuan Pengerusi, mengikut Arahan Perbendaharaan yang baru-baru ini telah pun dipinda, kakitangan-kakitangan Kerajaan yang belum cukup umurnya 30 tahun, mereka tidak berhak mendapat pinjaman untuk mendirikan rumah atau membeli rumah. Kemudian ada yang cukup 5 tahun berkhidmat tetapi umurnya tidak sampai 30 tahun, maka oleh kerana desakan hidup berkehendakkan rumah, orang lain berumah, kita pun hendak berumah. Buat kata setengah orang, burung pun ada sarang. Manusia ini berkehendakkan rumah. Jadi serbasalah orang A dan orang B yang saya nyatakan tadi. Apalah salahnya kepada mereka ini apabila cukup umur, yang bekerja itu walaupun dua tahun tetapi sampai 30 tahun, diberi.

Begitu juga mereka yang tidak cukup 30 tahun tetapi sudah berkhidmat selama 5 tahun bekerja dengan Kerajaan, diberi pinjaman kepada mereka dalam Skim Pinjaman Perumahan ini kerana mereka ini terdiri daripada kakitangan-kakitangan peringkat rendah, peringkat bawahan. Mereka setengahnya telah membeli rumah, apabila sampai masanya, mereka tidak dibenarkan memohon kerana rumah mereka sudah ada, alasannya. Jadi, dengan alasan begini, menderitalah pegawai-pegawai Kerajaan yang peringkat rendah yang inginkan rumah. Mereka hendak mengelak daripada membayar faedah yang bersangatan tinggi, Bank Perdagangan (Commercial Bank) ini mengenakan faedah yang tinggi antara 10%, 11% hingga 14%.

Pihak Perbendaharaan Malaysia dalam Skim Pinjaman Perumahan ini hendaklah mengubah balik dasar-dasar itu supaya memberi kemudahan kepada mereka yang meminjam supaya dapat mengelakkan daripada membayar faedah yang lebih tinggi. Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan

dikenakan 4% sahaja, Tuan Pengerusi. Jadi saya merayulah kepada Kementerian Kewangan supaya meminda peruntukan-peruntukan undang-undang yang ada diubah, kerana beberapa perkara yang sudah menjadi beban kepada mereka yang mengambil Skim Pinjaman Perumahan ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya hendak bercakap juga berkenaan dengan muka surat 158, Butiran 2—Kastam. Pihak Kastam ini, setahu saya mereka ada Bahagian Perondaan di pesisiran pantai negara kita ini. Oleh kerana negara kita ini persisirannya sangat luas berkeliling, maklumlah Semenanjung, saya minta pihak Kastam ini mempunyai bot ataupun kapal yang deras iaitu bot laju.

Bot laju sekarang ini, saya sangat sangsi ataupun musykil. Pihak Kastam ini adalah terdiri daripada orang-orang muda yang ada sedikit sebanyak sahaja latihan untuk hendak memburu perompak-perompak dan lanun, selain daripada dibantu oleh Tentera Laut dan Polis Merin. Jadi hendaklah dibekalkan mereka itu dengan senjata-senjata yang moden di samping bantuan Polis Merin dan Tentera Laut, kita bekalkan kepada pihak Kastam kita itu, yang mana mereka sentiasa terdedah kepada bahaya yang tentulah amat menyusahkan mereka itu.

Selain daripada itu, bot-bot itu hendaklah dilengkapi dengan enjin yang baru kerana ditakuti apabila sampai di tengah laut enjinnya tiba-tiba mati dan pihak yang diburu tadi, lanun dan perompak-perompak itu yang hendak melarikan barang-barang dari kapal atau orang yang hendak mencuri ataupun orang yang hendak melarikan diri daripada cukai dan penyeludupan, nampaknya bot mereka lebih laju lagi, kadang-kadang Kastam disorak daripada belakang, Tuan Pengerusi. Akibatnya, bot-bot

Kastam di situ sahaja berhenti, mereka boleh meninggalkan Kastam. Inilah yang patut ditambahkan lagi kepada Kementerian Kewangan untuk membeli bot-bot laju dengan menyediakan latihan bersenjata serta membekal senjata-senjata modern.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya menyokong penuh peruntukan yang dipohonkan oleh Kementerian Kewangan, bahkan apabila perlu menyediakan bot-bot laju dan senjata modern, biarlah ditambahkan lagi peruntukannya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar.

4.33 ptg.

Datuk Edwin Anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang akan diberi kepada Kementerian Kewangan di bawah Maksud B. 28, B. 29, B. 30, B. 31, B. 32 dan P. 33.

Saya suka menarik perhatian Dewan kepada peruntukan untuk Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan yang diminta sebanyak \$2,256,157,710. Dan di sini ingin saya menyentuh sedikit sahaja mengenai Butiran 1.3, muka surat 151 dan Butiran 2.5—Analisa Cukai iaitu satu penyemakan cukai.

Tuan Pengerusi, kita sedia maklum semasa Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan 1986, beliau telah menyatakan bahawa Kerajaan akan menimbang atas eksport cukai lada hitam di negara kita. Sebagai wakil rakyat luar bandar, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan, masanya telah tiba bagi Kerajaan mengambil berat atas permintaan dari semua Ahli Parlimen dari negeri Sarawak yang sentiasa membangkitkan mengenai cukai

eksport lada hitam. Inilah diharapkan oleh semua pekebun kecil di seluruh negeri Sarawak.

Sarawak sebuah negara dalam Malaysia yang lebih besar mengeluarkan lada hitam ke pasaran antarabangsa. Ini menentukan bahawa kaum petani atau pekebun kecil di negeri Sarawak sangat sukar menanam lada hitam dan bekerja keras tetapi pengeluaran lada hitam ke pasaran dunia pada hari ini telah bertambah kurang. Memandangkan kebun-kebun mereka sentiasa diserang oleh penyakit urat, dengan izin, root disease.

Dan yang kedua menyebabkan harga baja telah meningkat. Oleh yang demikian, saya di sini mencadangkan supaya cukai baja lada hitam dan baja koko di negeri kita ini perlu dipertimbangkan oleh Kementerian Kewangan dan jikalau dapat cukai baja di negara kita ini dikurangkan, saya percaya bahawa negara kita tidak ketinggalan di bidang pengeluaran lada hitam dan koko di pasaran antarabangsa.

Inilah satu langkah-langkah Kerajaan untuk memberansangkan kaum petani dan pekebun kecil supaya mereka bekerja keras, menanam lada hitam dan koko dan sebagainya untuk memperkukuhkan ekonomi di negara kita di masa depan.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, Yang Berhormat Menteri Kewangan juga ada mencadangkan iaitu eksport bahan keluaran tempatan akan diberi elaun eksport sebanyak 5% dan saya di sini ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, kerana kalau elaun 5% itu diberikan kepada agensi-agensi Kerajaan atau kepada pembeli-pembeli, maka itu tidak menguntungkan kepada pekebun kecil.

Pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, kalau dapat contohnya jika seseorang penanam lada hitam ataupun koko, mereka dapat mengeluarkan 1,000 kg, mereka haruslah diberi komisyen atau pampasan dengan berpatutan. Misalnya, jika seorang pekebun kecil itu mendapat 100 kg mereka akan diberi elaun 5% dan kepada mereka yang dapat mengeluarkan 1,000 kg, mereka akan diberi sepatutnya 10% elaun eksport. Inilah satu juga perangsang kepada kaum petani supaya mereka akan dapat bekerja lebih keras lagi dan kemudian kadar kemiskinan di luar bandar akan dapat bertambah baik.

Tuan Pengerusi, saya berharap bahawa Kementerian Kewangan ini akan dapat mengambil perhatian dengan serius supaya elaun yang dicadangkan oleh Kerajaan perlulah diberikan kepada petani dan pekebun kecil di negeri kita.

Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

4.29 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Kepala B.28, muka surat 151, Butiran 1.1 Pentadbiran Am, Kod 1000 emolumen dan Butiran 1.2 Perkhidmatan Kawalan, Kod 1000 emolumen.

Tuan Pengerusi, kedudukan kewangan Malaysia kian bertambah buruk walaupun negara kita kaya dengan sumber-sumber semula jadi. Keadaan ini disebabkan salah pengurusan, pemborosan dan kecuaiian tanggungjawab dan

sekiranya kita tidak berhati-hati dalam mengendalikan ekonomi kita, Malaysia akan menjadi sebuah negara yang bankrap.

Untuk menyokong hujah-hujah saya ini, saya ingin memberi beberapa contoh. Pertama ialah skandal BMF sebanyak \$2.5 bilion di Hongkong yang telah mengejutkan rakyat Malaysia dan dunia. Berlakunya skandal ini memperlihatkan kecuaiian di pihak Bank Negara, Perbendaharaan dan Kerajaan. Sekiranya mereka menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan baik sudah pasti skandal ini tidak akan berlaku.

Pada tahun 1982 modal yang dibayar oleh BMF ialah hanya \$7.2 juta dan mengikut laporan tahunan bank tersebut serta anak-anak syarikatnya yang berakhir 31-12-82 pendahuluan kepada pelanggan-pelanggan dan bil-bil yang seharusnya diterima berjumlah \$10,718 juta di mana sebanyak \$8,197 juta perlu dibayar kepada bank, Treasury dan sebanyak \$2,521 juta kepada anak-anak syarikatnya. Saya terkejut untuk mengetahui bahawa Kerajaan telah memberi jaminan bahawa ia akan menyokong penuh bank tersebut sekiranya bank tersebut menghadapi apa-apa kesulitan dalam memenuhi obligasinya. Menteri Kewangan adalah bertanggung menerangkan mengapa dan bagaimana keputusan dibuat waktu menyokong Bank Bumiputra Malaysia Berhad dan sama ada sokongan sedemikian telah mengabaikan skandal \$2.5 billion BMF di Hong Kong. Sekiranya Menteri Kewangan telah menjalankan dan menyasiat ke dalam Bank Bumiputra dan mengambil tindakan terus serta memberitahu Parlimen mengenainya sudah pasti negara akan dapat menjimatkan \$2.5 billion.

Yang Berhormat Menteri Kewangan apabila menjawab soalan rakan saya Ahli Parlimen dari Seremban telah berkata bahawa Kerajaan tidak bercadang mengumumkan kepada orang awam hasil Laporan Jawatankuasa Penyiasatan BMF itu kepada Parlimen dan rakyat. Soalan yang DAP ingin bertanya ialah sama ada Kerajaan bertanggungjawab kepada rakyat atau tidak? Ingin saya meningkatkan Menteri Kewangan bahawa segala wang Kerajaan adalah kepunyaan rakyat dan bahawa Kerajaan adalah dipilih oleh rakyat, maka dengan sebab itu sebarang percubaan untuk menyembunyikan perkara ini akan bermakna Kerajaan mengkhianati. Ini adalah amanah rakyat dan tidak ada sesuatu yang boleh menghalang rakyat, ini membayangkan Kerajaan Barisan Nasional tidak boleh dipercayai atau tidak boleh amanahkan dengan sesuatu.

Parti DAP menggesa Menteri Kewangan mengumumkan sumber laporan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Penyiasatan BMF yang diketuai oleh Tan Sri Dato' Ahmad Noordin tanpa sebarang pindaan. Sekiranya terdapat undang-undang yang menghalang maklumat-maklumat yang terkandung dalam laporan-laporan tersebut daripada diumumkan, maka Kerajaan boleh mengambil langkah-langkah untuk membetulkan keadaan tersebut. Sekiranya Kerajaan boleh bertindak membuat atau mengambilalih Bank Bumiputra oleh PETRONAS, maka saya tidak nampak sebab-sebab mengapa skandal BMF ini harus disembunyikan.

Tuan Pengerusi, perkara kedua yang saya ingin menyentuh ialah hutang negara. Hutang negara dijangka meningkat dari \$66,822 juta dalam tahun 1985 kepada \$72,917 juta pada tahun depan iaitu tambahan sebanyak \$6,095 juta. Kerajaan tidak

boleh seringkali bergantung kepada pinjaman semata-mata. Apabila Kerajaan membentangkan Belanjawan dalam tahun 1984, Kerajaan telah berkata ia akan mengukur baju mengikut kain, maka dengan itu Kerajaan hendaklah mengambil tindakan untuk mendapat balik pinjaman-pinjaman yang diberi kepada agensi-agensi di Luar Belanjawan dan juga Badan-badan Berkanun serta Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengurangkan beban hutang negara. Walaupun Kerajaan mendakwa bahawa Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan pinjaman kebangsaan, malangnya langkah-langkah yang diambil setakat ini adalah perlahan, dengan dakwaan tersebut, maka di sini saya menarik perhatian bahawa Kerajaan telah meminda Akta Pinjaman tahun 1963 untuk ditambah sebanyak 50% kepada \$30,000 juta had pinjaman dan pindaan ini telah dikuatkuasakan secara retrospective kepada 27hb Februari 1984. Perbuatan itu adalah tidak secocok dengan kenyataan Kerajaan bahawa ia ingin mengurangkan hutang negara. Parti DAP ingin tahu sama ada tindakan yang diambil oleh Kerajaan itu untuk meminta Akta Pinjaman Negara 1963 adalah bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia. Saya menggesa Kerajaan memberi satu penjelasan mengenai perkara ini.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Saya ingin menyentuh B.28, Butiran 1.3—Penyemakan Cukai, kod 1100—Emolumen serta Maksud B. 32, mukasurat 161, Butiran 3—Pungutan Cukai-cukai, kod 1000—Emolumen dan kod 2000—Perkhidmatan dan Bekalan.

Tuan Pengerusi, cukai pembangunan telah diperkenalkan semasa konfrantasi Indonesia dalam

tahun 1963 dan saya dukacita mengatakan bahawa cukai tersebut yang diperkenalkan untuk sesuatu tujuan yang tertentu dan konfrantasi telah lama berhenti. Orang yang menderita sangat akibat cukai pembangunan ini ialah penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil. Kadar 5% dikenakan ke atas pendapatan sebelum sebarang pengecualian diberi. Mereka ini bukanlah berpendapatan tinggi dan untuk memaksa mereka membayar cukai pembangunan 5% adalah tidak wajar dan adil. Parti DAP menggesa Kerajaan memansuhkan cukai pembangunan ini dan di samping itu memikirkan kadar cukai untuk golongan berpendapatan tinggi untuk merapatkan jurang antara orang kaya dan orang miskin.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

5.02 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong) Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyentuh B. 28. Butiran 1—Pentadbiran. Bagi tahun 1985 sebanyak \$4,200,000 dibelanjakan dalam bentuk pemberian dan kenaan bayaran tetap bagi tuntutan insurans dan pampasan disebabkan oleh kemalangan yang melibatkan kereta Kerajaan dan kerosakan disebabkan oleh pasukan keselamatan. Bayaran ganti pulang balik dan hapuskira mencatat nilai sebanyak \$7,626,810. Jumlah-jumlah wang ini dianggar akan bertambah kepada \$3,345,000 bagi utiran yang pertama dan \$10,626,810 bagi Butiran yang kedua. Di antara faktor-faktor penyebab bagi pertambahan nilai ini adalah anggaran bahawa bayaran balik hasil akan bertambah sebanyak dua kali ganda pada tahun hadapan. Disebabkan oleh kecuaiian serta ketidakcekapan setengah-setengah kakitangan Kerajaan sebanyak \$14,971,810

terpaksa disediakan. Satu langkah hendaklah diambil untuk mengurangkan perbelanjaan dari segi bayaran pampasan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, B. 30 muka surat 157 bagi peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun, Butiran 1—Kumpulanwang Cadangan Untuk Negeri yang akan menerima sebanyak \$110 juta. Bagaimanakah wang tersebut akan digunakan tidak dikemukakan. Sementara itu Kumpulanwang Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan serta Kumpulanwang Pembangunan tidak mencatatkan sebarang peruntukan untuk pemberian dan kenaan bayaran tetap. Penjelasan haruslah diberikan untuk keputusan tersebut memandangkan bahawa perkhidmatan masyarakat dan kebajikan serta pembangunan merupakan dua program yang dapat meningkatkan taraf kehidupan rakyat jelata.

Tuan Pengerusi, sepatutnya satu kawalan yang lebih ketat dikenakan kepada kumpulanwang terkanun dan kumpulanwang cadangan memandangkan amaun yang terlibat itu lebih daripada \$100 juta supaya wang ini tidak disalahgunakan.

Tuan Pengerusi, B. 31 muka surat 158, Butiran 4—Pencegahan. Walaupun tujuan aktiviti pencegahan ini untuk meningkatkan kegiatan bagi mencegah penyeludupan barang-barang berduti dan larangan termasuk dadah serta mengesan penyelewengan dalam pelaksanaan undang-undang tadbiran jabatan dan prestasi aktiviti ini diberi di sini termasuk rampasan yang telah berjaya dilaksanakan oleh pihak Kementerian, akan tetapi, Tuan Pengerusi, memandangkan bilangan penagih di negara ini masih melambung naik sehingga sekarang kira-kira lebih daripada setengah juta penagih di negara ini. Ini bermakna aktiviti pencegahan ini untuk mencegah penyeludupan dadah masuk

ke negara ini belum lagi dapat memberi kesan yang dapat mengurangkan bilangan penagih di negara ini. Saya bersetuju bahawa faktor-faktor yang menyebabkan bilangan penagih yang tidak dapat dikurangkan ini adalah banyak tetapi salah satu dari punca penyeludupan dan perlulah bagi aktiviti pencegahan ini dipertingkatkan supaya lebih rampasan dapat dibuat dan tangkapan diadakan ke atas orang-orang yang terlibat dalam penyeludupan bukan sahaja orang-orang yang sebagai courier atau pembawa sahaja tetapi penyeludup yang besar, kingpinnya.

Tuan Pengerusi, B. 28, mukasurat 152, Butiran 3.2—Pentadbiran Insurans. Walaupun Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berkali-kali menyebutkan sistem insurans di negara ini tidak dapat memainkan peranan yang sepatutnya terutamanya dalam mengurangkan kehilangan invisible earning, dengan izin, Tuan Pengerusi, invisible earning ini berjumlah beribu-ribu juta ringgit dan setakat ini saya tidak nampak sama ada di dalam buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi ataupun di buku yang lain yang menunjukkan usaha Kementerian untuk meningkatkan dan memperbaiki sistem insurans yang meliputi pelbagai bidang dan kehilangan tiap-tiap tahun begitu besar dan mengapa setakat ini langkah-langkah yang lebih berkesan, yang lebih positif tidak dapat diambil oleh Kementerian Kewangan supaya kehilangan hasil tidak ketara ini dapat dikurangkan.

Saya berharap selepas kelulusan Rang Undang-undang Perbekalan ini lebih banyak langkah yang bermakna diambil untuk meningkatkan sistem insurans yang ada di dalam negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Pengerusi, saya berterima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membincangkan peruntukan Kementerian Kewangan sewaktu membincangkan Rang Undang-undang Belanjawan 1986 ini.

Saya akan cuba memberi sedikit ulasan-ulasan mengenai pandangan-pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mulakan dengan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat dari Jerai. Yang Berhormat dari Jerai telah membangkitkan beberapa perkara, satu daripadanya mengenai penyeludupan khususnya penyeludupan beras yang dibuat oleh beberapa orang tertentu; mengikut Yang Berhormat, mereka datang daripada negeri jiran, dari utara.

Tuan Pengerusi, sukaiah saya memaklumkan bahawa penyeludupan ini seperti yang kita ketahui adalah satu perkara yang haram, maka itu mereka yang terlibat dalam penyeludupan ini sememangnya tidak memberi tahu orang-orang lain, dan oleh sebab kita tidak tahu tentang penyeludupan ini maka kita tidak tahu berapa banyak yang telah diseludupnya.

Kalau kita tahu berapa banyak yang dia seludup, ertinya kita tahu yang dia itu menyeludup dan kalau kita tahu dia menyeludup kita tidak ambil tindakan, kita bersetuju dengan perbuatan-perbuatan mereka. Kita hanya boleh tahu berapa banyak yang kita tangkap, misalannya yang kita rampas. Walaupun Yang Berhormat dari Jerai menganggarkan kira-kira 150,000 tan beras telah diseludup dari negara jiran utara ke negara Malaysia dalam tahun lepas, tahun 1984/85, kita tidak pasti sama ada angka ini betul atau tidak. Beras yang telah dirampas

oleh Unit Pasukan Keselamatan Sempadan kita ataupun UPP, Unit ini telah merampas dalam tahun 1983 kira-kira 640 tan dan bagi 1984 — 56 tan. Jadi agak beza banyak dengan apa yang disebutkan itu. Kalau sekiranya banyak perbezaan dari yang ditangkap dan dianggar oleh Yang Berhormat dari Jerai, saya kira barangkali perkara ini mungkin berlaku tetapi dibesar-besarkan. Dalam pada itu sukaiah saya menyatakan bahawa Unit ini bukan sahaja terdiri daripada Pegawai-pegawai Kastam.

Sebenarnya Unit yang menjaga penyeludupan di sempadan ini terdiri daripada Pegawai Kastam, Pegawai Polis, Pegawai Imigresen dan mereka yang ada kaitan dengan tugas ini telah bekerja kuat. Tetapi alhamdulillah walaupun kita berusaha orang yang hendak membuat kesalahan ini biasanya, dengan izin, one step ahead. Walau bagaimanapun, kita akan beri jaminan bahawa kita akan cuba dengan lebih rapi lagi, mengadakan lebih banyak rondaan lagi supaya dapat membanteras ataupun mencegah segala kegiatan-kegiatan penyeludupan ini.

Yang Berhormat dari Jerai juga menyebut tentang perbelanjaan-perbelanjaan OBA dan pengurusan yang kurang baik mengikut Ahli Yang Berhormat dari Jerai. Tuan Pengerusi, sebenarnya perkara ini ada benarnya maka itulah baru-baru ini kita telah mengadakan Sistem Pengawasan Awal (Early Warning System) supaya kita mengetahui kedudukan sesebuah OBA itu. Kita tidak mahu lagi mengetahui kedudukan OBA itu terlewat sehingga apabila kita mengetahui kedudukannya kita tidak boleh memberi ubat yang baik. Dalam pada itu juga, mengikut kebiasaan, projek-projek yang dibuat oleh OBA ini sentiasa diawasi malah agensi-agensi Kerajaan yang tertentu termasuk Perbendaharaan sendiri dan Unit Perancang Ekonomi (EPU)

sentiasa memastikan bahawa projek-projek yang dijalankan oleh OBA ini adalah projek yang viable. Tetapi sewaktu penganalisaan dibuat terhadap projek ini viable, barangkali sewaktu pelaksanaannya kurang begitu rapi dan cermat, maka itu ada juga projek-projek yang telah gagal.

Dalam pada itu, Tuan Pengerusi, sekali lagi kita memberi jaminan seperti yang saya telah beri jaminan di sini dalam jawapan kepada satu soalan dahulu dari salah seorang Ahli Yang Berhormat, kita akan cuba memastikan supaya kalau adapun kegagalan di masa-masa hadapan ianya akan berkurangan dari segi bilangan kegagalan ini.

Seterusnya Yang Berhormat dari Jerai pula menyebut tentang kontrak. Sebenarnya, Tuan Pengerusi, memanglah dasar Kerajaan supaya mengadakan Kontrak Pusat ini dengan tujuan supaya dapat kita membeli barang-barang secara banyak, secara pukal, secara bulk buying, dengan izin. Dan dengan cara ini kita berharap ianya murah dibandingkan dengan membeli secara runcit-runcit. Tetapi, oleh sebab pembelian itu secara besar maka kadangkala mereka yang kecil-kecilan tidak berupaya memasuki tender-tender tertentu.

Dalam pada itu ada juga tender-tender yang kecil bagi barang-barang yang khusus kurang daripada \$1 juta pun ada, \$2,000—\$300,000 misalnya. Pembelian-pembelian seperti ini diberi melalui kontraktor-kontraktor yang kecil, malangnya tiap-tiap satu tender itu kadangkala sampai dua tiga puluh orang yang menyertai tender ini.

Bagi mana-mana tender, Tuan Pengerusi, hanya seorang sahaja yang berjaya. Kalau 10 yang memasuki, seorang berjaya. Kita beri kepada satu orang, 9 yang lain tidak akan puas hati. Kalau satu tender dibuka, 30 yang

menyertai, juga kita beri kepada satu orang, 29 yang tidak puas hati. Beri No.1, No. 2 sampai No. 30 tidak puas hati. Beri No. 30, No. 1 sampai No. 29 tidak puas hati. Begitulah keadaannya. Kecuali kita beri kepada 30 orang, semua sekali, tetapi kalau kita beri kepada 30 orang, 30 menyertai; ini bukan tender lagi. Ini sudah rundingan, namanya. Kalau rundingan, sudah terkeluar daripada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Jerai tadi.

Berkenaan dengan baja subsidi, ini salah target sedikit walaupun kontrak juga tetapi kontrak baja ini dikendalikan oleh Kementerian Pertanian. Saya tidak dapat memberi ulasan tentang perkara ini, Tuan Pengerusi.

Selepas Wakil Jerai, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya berterima kasih kerana ada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Sebelum saya pergi kepada ulasan-ulasan, saya hendak menyebut sedikit, dengan izin Tuan Pengerusi, satu perkara yang berlaku pada 13hb di mana waktu itu saya baru sahaja keluar hendak ke tandas daripada Dewan ini, cuma dengar di dalam tandas sahaja, tidak dapat saya hendak bangun pada waktu itu, di mana Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah mengatakan; dan saya baca daripada Hansard pada 13hb, katanya, saya bacakan:

“Begitu juga Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tidak akan dibenarkan melepaskan diri dengan memberikan jawapan-jawapan, dengan izin, cheeky, dengan mengambil ingatan larangan agama Islam terhadap perjudian seperti jawapannya mengenai Cabutan Tambahan Mingguan Empat Ekor yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan sejak April lalu, bahawa kesalahan kecil adalah

sama dengan kesalahan besar kerana kedua-duanya itu adalah kesalahan.”

Diteruskannya lagi: “Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri telah beritahu pesalah-pesalah dan penjenayah-penjenayah bahawa sekiranya mereka melakukan kesalahan atau jenayah adalah lebih baik mereka melakukan kesalahan-kesalahan atau jenayah-jenayah yang besar, kerana kesalahan-kesalahan dan jenayah-jenayah kecil pun adalah sama salah juga.” Ini Yang Berhormat dari Kota Melaka memang ahli putar-belit, itu tidak apalah, tetapi kalau dia hendak putar-belit jangan putar-belit dalam perkara yang dia tidak tahu.

Kita cakap fasal judi, Tuan Pengerusi, dalam agama Islam berjudi itu salah, berjudi 1 sen, berjudi \$10 ribu, salahnya sama. Janganlah kesalahan judi tadi disebut dengan kesalahan jenayah lain. Malangnya semasa itu saya dalam tandas, tidak dapat hendak bangun memberi penjelasan. Saya hendak beri nasihat kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat itu minta penjelasan.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Pengerusi, saya tidak hendak beri, sebab saya hendak terangkan dahulu. Janganlah putar-belit melampau sangat sampai semua perkara diputar-belitkan. Ini judi, 1 sen, 1000 sen, ½ sen, \$1 juta sama. Itulah yang saya hendak terangkan. Jangan apabila kita sebut fasal judi hendak disamakan dengan jenayah-jenayah lain. Saya tahu kalau beri orang luka sedikit dengan bunuh orang, berbeza kesalahannya, tetapi judi tidak ada, kecuali kita hendak buat undang-undang baru. Jadi 1 sen, \$10 ribu sama, itulah bendanya, Tuan

Pengerusi, tentang judi ini, mintalah nasihatkan kawan saya Ahli dari Kota Melaka jangan putar-belit benda yang dia tidak tahu.

Saya hendak teruskan ulasan tentang ucapan Yang Berhormat dari Kota Melaka ini, Tuan Pengerusi, tetapi kalau hendak juga, saya tidak ada hal, Tuan Pengerusi, kalau hendak tanya juga.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Baik, kalau judi ialah satu “sin”, satu dosa, bukannya tanggungjawab Kerajaan yang mahu menyerapkan nilai-nilai Islam patut sekurang-kurangnya mengurangkan perbuatan-perbuatan dosa ini dan bukan untuk menggalakkan dan menambahkan perbuatan-perbuatan dosa ini. Ini bukan putar-belit, tetapi ini menunjukkan bahawa satu Kerajaan yang tidak pegang kuat kepada apa-apa yang disebutkan.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Pengerusi, mungkin saya bukan seorang ustaz, tetapi sebagai seorang Islam tentulah saya mengetahui lebih daripada Ahli dari Kota Melaka tentang agama Islam. Ini Firman Allah subhanahu wataala: “Katakanlah wahai Muhammad, berjudi itu salah.” Saya tidak tahu Surah berapa tetapi saya sudah consult dengan ustaz memang saya sudah kira betul fasal agama tentang judi ini. Jadi memang salah, salah yang saya katakan tadi sedikit pun salah, banyak pun salah. Itu sahaja yang saya katakan. Saya tidak menggalakkan kita berjudi. Jadi janganlah salah berjudi ini dikaitkan dengan salah jenayah. Dengan izin, Tuan Pengerusi, meja ada 4 kaki, kucing ada 4 kaki, semua meja itu kucing. Ini kalau budak-budak bolehlah, dengan saya alhamdulillah, tidak bolehlah begitu, Tuan Pengerusi. Jadi siapa yang salah?

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Dia tidak benarkan.

Dato' Sabbaruddin Chik: Jadi, Tuan Pengerusi, tentang apa yang disebutkan tadi pertumbuhan ekonomi ini bergantung kepada pertambahan pengeluaran petroleum. Saya inginlah memaklumkan kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka, sebenarnya mungkin satu daripada cara-cara untuk hendak menambahkan lagi pertumbuhan ekonomi kita untuk mencapai 6% itu, kita menambah sedikit lagi pengeluaran petroleum. Saya pun pernah mengatakan ini. Kita akan tambah kira-kira 80,000 tong sehari. Tetapi selain daripada itu banyak lagi rancangan-rancangan yang boleh kita buat.

Baru-baru ini misalannya pula telah pun disebutkan oleh Pemangku Perdana Menteri, dengan menambah pembinaan rumah sekian banyak, sekian peratus naik, misalannya 80,000 unit rumah naik 1%; kalau buka tanah 100,000 ekar ataupun hektar boleh tambah 1½% dan sebagainya. Jadi banyak lagi cara-cara yang kita fikirkan yang boleh kita buat untuk menambahkan kemungkinan mencapai 6% ini. Kita ada insentif-insentif tertentu, cara-cara tertentu untuk kita meninggikan pertumbuhan ekonomi ini, tidak semestinya hanya kita bergantung kepada penambahan pengeluaran minyak petroleum sahaja walaupun saya akui penambahan ini pastinya akan menambah hasil kita, akan menambah growth ekonomi kita. Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang: Untuk penjelasan, adakah untuk tahun hadapan (1986) ada satu had mengenai ceiling untuk pengeluaran petroleum 600,000 atau 700,000 tong supaya usaha untuk menambah hasil atau revenue pun ada diimbangkan dengan kepentingan masa depan untuk melibatkan resource petroleum ini?

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, had mengeluarkan minyak petroleum ini bergantung kepada Kerajaan dan Kerajaan berkuasa menentukan had-had itu pada waktu-waktu tertentu. Saya menyatakan sekarang rancangan kita hendak menambah 80,000 tong sehari, ini rancangan pada hari ini. Kalau sekiranya pada bulan enam tahun hadapan kita hendak menambah 70,000 tong, terpulang kepada kita, itu hak Kerajaan dan kita pastikan bahawa pengeluaran tambahan ini tidak akan menjejaskan dari segi perancangan PETRONAS itu sendiri. Itu kita pastikan sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, kita tidak hanya akan memutar, memusingkan paip itu hanya mengikut sesuka hati. Ada perkiraan tertentu yang kita buat, tetapi hak ini adalah hak mutlak Kerajaan untuk menentukan. Saya tidak dapat berikan angka yang sebenar sama ada kita akan adakan hanya setakat 80,000 atau tambah 86,000; 87,000 atau 100,000 tong. Walau bagaimanapun, kita akan memastikan bahawa tindakan-tindakan Kerajaan Barisan Nasional ialah satu tindakan yang bertanggungjawab terhadap kepentingan negara pada keseluruhannya.

Yang Berhormat dari Kota Melaka juga hendak saya beri pengetahuan, hendak saya beri makluman, selain daripada saya katakan tadi ada insentif-insentif, selain daripada petroleum ini, kita juga misalannya mengadakan dasar-dasar fiskal dan dasar-dasar kewangan yang lain yang kita fikirkan sesuai untuk hendak menambah pertumbuhan ekonomi ini.

Yang Berhormat dari Kota Melaka menyebut tentang Laporan Ahmad Noordin. Saya rasa telah banyak saya jawab tentang perkara ini, saya tidak berhajat pada hari ini hendak menyebut sekali lagi, malah sekali harung saya hendak menyebutkan

tentang ucapan Yang Berhormat dari Sandakan yang juga menyebut tentang BMF. Itu sahaja yang saya faham, yang lain saya tidak faham, sedikit pun saya tidak faham apa yang diucapkan walaupun dia baca ucapan bertulis, sebab, dengan izin, keyword saya tidak faham betul apa yang disebutkan, maka saya tidak dapat memberi gambaran, tidak dapat memberi ulasan. Saya dengar BMF, BMF, BMF; oleh sebab dia sebut BMF, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pun sebut BMF, dua sekali harung sama-sama sebut, saya tidak akan ulas tentang perkara itu.

Yang Berhormat dari Batang Padang menyebut tentang pinjaman perumahan. Ini saya pun kasihan, Tuan Pengerusi, tentang adanya syarat-syarat yang diketatkan ini di mana mengikut syarat-syarat baru, seseorang yang layak hanya kalau beliau itu cukup umur 30 tahun dan bekerja lebih daripada 5 tahun, dua-dua ini mustahak. Selain daripada itu, ada lagi syarat-syarat lain—tidak ada mempunyai rumah dan sebagainya—tetapi disebutkannya dua syarat sahaja tadi: mengapa tak beri kepada mereka yang kurang daripada 30 tahun; mengapa tak beri kepada mereka yang bekerja kurang daripada 5 tahun? Sebenarnya begini, dalam bulan Ogos, 1982 oleh kerana keadaan ekonomi kita agak merosot pada waktu itu—sekarang pun merosot juga, tetapi tak teruk sangat, sudah beransur-ansur baik sedikit—maka itu kita terpaksa mengambil langkah-langkah untuk memperketatkan sedikit lagi pinjaman ini, kerana jumlah wang yang diperlukan untuk pinjaman perumahan ini terlalu banyak pada waktu itu, kita tidak berupaya lagi terus memberi, menambah kepada tabung ini. Oleh itu, kita terpaksa mengurangkan sedikit pinjaman yang dibuat tiap-tiap bulan, kerana pinjaman yang dibuat tiap-tiap bulan itu jauh melebihi kutipan yang dibuat

tiap-tiap bulan daripada peminjam-peminjam, maka itu kita terpaksa mengetatkan sedikit syarat-syarat.

Satu di antaranya, kita menaikkan had umur. Pada waktu itu tidak ada had umur, asal seorang itu telah bekerja 5 tahun, sudah ditetapkan dalam jawatan, dia boleh diberi pinjaman. Sekarang kita menaikkan had itu kepada umur 30 tahun. Ertinya barangkali kalau Menteri yang tak sampai umur 30 tahun membuat permohonan, barangkali kita tak beri, tetapi ini belum diduga lagi, belum ada Menteri yang kurang daripada umur 30 tahun membuat permohonan. Timbalan Menteri ada berumur kurang daripada 30 tahun, tetapi tak membuat permohonan pinjaman. Kalau di buat permohonan, kita akan teliti sama ada boleh atau tidak boleh, sebab umur ini hanya 30 tahun ke atas. Itu satu.

Yang kedua, kita syaratkan juga lebih daripada 5 tahun. Ertinya kalau dia mula bekerja pada umur 28 tahun, sampai umur 30 tahun, hanya dia bekerja 2 tahun, maka kita tak beri juga, sebab kedua-dua syarat mesti dipenuhi: umur tidaklah kurang daripada 30 tahun dan bekerja tidak kurang daripada 5 tahun. Ini terpaksa kita buat. Jadi, walaupun kita kasihan kepada mereka, burung pun hendak bersangkar.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, nanti. Ya?

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Minta penjelasan, Tuan Pengerusi. Apa yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri Kewangan tadi iaitu memberi pinjaman yang cukup umur 30 tahun baru diluluskan atau sudah berkhidmat 5 tahun, tetapi umurnya di bawah 30 tahun. Kalau dapat dilonggarkan kepada mereka yang

telah membeli rumah dengan pinjaman wang daripada bank dengan faedahnya besar, kalau dapat, mereka inilah diberi pinjaman daripada skim pinjaman ini supaya mereka boleh membayar kepada bank itu. Pendapatan mereka itu kurang bagi membolehkan mereka membayar kepada faedah lagi. Ertinya setelah diambil daripada skim pinjaman ini dibayar kepada bank yang berkenaan supaya meringankan pembayaran.

Dato Sabbaruddin Chik: Terima kasih. Saya faham. Seperti saya kata tadi, selain daripada dua syarat ini ada lagi syarat-syarat lain, kalau sudah ada rumah juga tak boleh, walaupun dia sudah bekerja lebih daripada 5 tahun, umurnya lebih daripada 30 tahun, sebab sudah ada rumah. Rumah itu sama ada dia menerima sebagai pesaka, dia pinjam daripada bank untuk membeli rumah ini ataupun dia berhutang dengan saudara dia untuk membeli rumah, ataupun isterinya yang dapat rumah daripada Pak Mertuanya pun tak boleh. Asal ada sahaja rumah, tak bolehlah, maknanya. Kalau dia sudah ada rumah, dia hendak meminjam untuk bayar hutang, ini tak boleh sebab dia sudah ada rumah. Soalnya, saya nasihatkanlah kepada orang yang hendak membuat pinjaman perumahan daripada Kerajaan ini, kalau hendak mengambil privilege ini, dengan izin, terpaksa dia tidak ada rumah, dari segi apa juga cara dia mendapat rumah, dia tak boleh ada rumah: umur hendak lebih 30 tahun dan kerja lebih daripada 5 tahun. Ini agak ketat, kita ketahui, tetapi kita terpaksa berbuat demikian sehinggalah keadaan ekonomi kita bertambah baik lagi.

Yang Berhormat dari Batang Padang juga menyebut tentang bot-bot kastam yang tidak begitu baik dari segi kelengkapan, takut disorak oleh perompak-perompak ini dari belakang. Macam mana dia bersorak

dari belakang? Kalau dari belakang, maknanya kita tinggalkan dia. Barangkali bersorak dari depan [*Ketawa*] sebab kita tak dapat kejar dia. Barangkali maksudnya dari depan, kalau dari belakang kita meninggalkan dia. Insya Allah, Tuan Pengerusi, kita kan usahakan lagi. Yang sebenarnya memang kita sedari ada bot-bot yang tidak begitu dilengkapkan seperti yang saya diberi fahaman oleh pihak yang berkenaan. Kita juga akui orang hendak menyamun ini sangat bersedia, patut pakai 2 enjin, dia pakai 3 enjin, 4 enjin supaya lebih laju daripada bot-bot kastam ini. Kalau kita buat yang laju, kita buat yang cukup kuat, mereka buat lagi kuat sebab maklumlah dia ini mencuri, merompak, dari segi duit senang dapat, bukan dengan titik peluh barangkali, cuma titik peluh mencuri sahaja, jadi dia boleh berbuat demikian. Walau bagaimanapun, insya Allah, kita akan pastikan supaya samunan, rompakan ini akan berkurangan dengan cara-cara lain.

Satu lagi Wakil dari “Batang” yang lain pula [*Ketawa*], Batang Lupal telah menyebut tentang lada hitam. Tuan Pengerusi, kita akan mengambil perhatian ini, malah kalau tak silap saya, kita telah pun menaikkan “threshold price” harga-harga minima untuk dicukai bagi lada hitam ini untuk mengurangkan cukai bagi mereka yang menanam lada hitam, khususnya orang-orang di Sarawak kerana di Sarawak banyak terdapat lada hitam—tempat lain pun ada tetapi kebanyakannya di Sarawak. Insya Allah, kita akan pastikan mereka ini tidak menerima nikmat yang kurang daripada orang-orang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Sandakan, seperti saya sudah sebutkan tadi, saya tak faham betul, tak dapat saya hendak ulas sebab “key-words”, dengan izin, yang disebutkan itu banyak yang saya tidak

faham. Saya cuma dengar “BMF, Hutang Negara, Cukai Pembangunan”, tetapi banyak sangat yang saya tidak berapa faham. Kalau saya dapat *Hansard* nanti, barangkali saya akan beri jawapan secara ikhtiar-ikhtiar lain untuk memberi penerangan kepada beliau.

Ahli dari Kepong mengatakan tentang penyeludupan dadah, masih lagi banyak penyeludupan dadah. Sebenarnya mengenai penyeludupan, saya sudah menjawab sewaktu saya mengulas penyeludupan beras, sama jugalah tadi dari segi ikhtiar kita membanteras penyeludupan ini.

Pentadbiran insurans, mengikut Yang Berhormat dari Kepong mengapa tidak ada disebutkan di mana-mana, dalam buku ataupun lain-lain buku, tentang usaha ini. Sebenarnya usaha-usaha yang dibuat berkenaan dengan ini bukan ertinya ditulis dalam buku Budget ini. Yang pertama sekali, kita menggalakkan peniaga-peniaga kita menggunakan syarikat-syarikat insurans dalam negara kita. Jadi, Yang Berhormat dari Kepong, walaupun dia Pembangkang dari DAP, nasihatkanlah kawan-kawan Yang Berhormat yang mengimport ataupun mengeksport menggunakan syarikat-syarikat insurans dalam negeri, jangan gunakan syarikat-syarikat insurans luar negeri sebab premiumnya akan diterima oleh syarikat-syarikat luar itu. Itu satu daripadanya. Kalau sekiranya ada “invisible”, perdagangan yang tidak ketara ini, aliran yang tidak ketara ini, itu berkaitan dengan insurans. Cara-cara lain, kita juga menyusun semula syarikat-syarikat insurans. Ertinya apabila kita susun semula syarikat-syarikat insurans ini, lebih banyak lagi syarikat-syarikat ini dipunyai oleh orang-orang tempatan, keuntungan-keuntungan tidak lagi dibawa keluar negeri melalui syarikat-syarikat insurans ini. Jadi, ini cara-cara kita mengurangkan “invisible” ini melalui

syarikat-syarikat insurans. Saya tidak menyebut “invisible” melalui perkara-perkara lain.

Saya rasa, Tuan Pengerusi, itulah yang dapat saya perkatikan, sekali lagi saya berterima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, yang telah memberi teguran terhadap Kementerian Kewangan bagi Belanjawan 1986.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$92,396,800 untuk Maksud B. 28; \$373,578,350 untuk Maksud B. 29; \$120,000,000 untuk Maksud B.30; \$149,820,300 untuk Maksud B. 31 dan \$92,112.200 untuk Maksud B. 32 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$92,396,800 untuk Maksud B. 28; \$373,578,350 untuk Maksud B. 29; \$120,000,000 untuk Maksud B. 30; \$149,820,300 untuk Maksud B. 31 dan \$92,112,200 untuk Maksud B. 32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$611,570,060 yang disebutkan dalam Maksud P. 28; \$16,680,000 untuk Maksud P. 31 dan \$800,000,000 untuk Maksud P. 64 dalam Anggaran Pembangunan, 1986 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$611,570,060 untuk Maksud P. 28; \$16,680,000 untuk Maksud P. 31 dan \$800,000,000 untuk Maksud P. 64 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1986.

Maksud B. 33 (Jadual)—

Maksud P. 33 (Anggaran Pembangunan, 1986)—

Tuan Pengerusi: Maksud Bekalan B. 33 dan Maksud Pembangunan P. 33 di bawah Kementerian Perusahaan Awam terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

5.43 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membincang Maksud Bekalan B. 33, Butiran 3, Pengawasan dan Penyelarasan dan 3(i) PKEN dan Anak-anak Syarikatnya.

Tuan Pengerusi, peruntukan yang diberi di sini pada tahun 1986 untuk PKEN dan anak-anak syarikatnya, anggaran pengurusannya bertambah. Pada tahun 1985 diberi sebanyak \$362,800 tetapi pada tahun 1986 diberi sebanyak \$385,000. Ini dalam bahagian pengurusannya sahaja dan tambahannya dalam pembangunan saya belum lagi berjumpa, tetapi saya suka hendak menyebutkan di dalam penubuhan anak-anak syarikat.

Kita dapati sekarang ini banyak perbadanan-perbadanan dan juga badan-badan telah begitu banyak menubuhkan anak-anak syarikat, menyebabkan anak-anak syarikat ini selalu bertanding dengan syarikat-syarikat swasta yang lain. Bagi perbadanan yang ditubuhkan oleh Kerajaan seperti ini sudah tentulah ia mempunyai modal yang cukup, kakitangan yang cukup dan apabila kesempurnaan ada kepada perbadanan ini sudah tentu akan menandingi syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh swasta. Jadi, saya meminta kepada Kementerian ini bagi memberi kemajuan kepada swasta

ianya tidak lagi menubuhkan anak-anak syarikat ini supaya ianya tidak akan bertanding dengan syarikat-syarikat swasta yang lain yang berkebolehan untuk menjalankan kegiatan yang sama.

Sebagaimana yang kita tahu kalau perbadanan yang seperti ini menjalankan kegiatan yang boleh dijalankan oleh swasta, sudah tentulah ia akan dapat menandingi syarikat-syarikat swasta dan sebaliknya kadang-kadang tidak pun memberi keuntungan kepada pihak Kerajaan sebab perbadanan yang ditubuh oleh Kerajaan perbelanjaannya begitu besar dan kos tetapnya begitu tinggi menyebabkan keuntungan kepada anak-anak syarikat tidak tercapai sebagaimana yang dijalankan oleh swasta.

Kalau sekiranya perbadanan ini atau Perbadanan Kemajuan Negeri ini, misalnya, mengurangkan anak-anak syarikatnya, saya rasa ianya dapat dijalankan oleh swasta dan dapat mengurangkan pengawasan dan penyelarasan, maknanya dapat mengurangkan beban Kementerian ini untuk menengok tentang anak-anak syarikat yang begitu banyak. Ini saya percaya kalau satu Perbadanan Kemajuan Negeri itu mempunyai 20 anak-anak syarikat di bawahnya. Kalau 11 buah negeri bermakna dia akan mempunyai 200 anak-anak syarikat, kalau 10 pun sudah ada 100 anak syarikat. Jadi, kalau 20 akan jadi 200 anak syarikat. Semua ini akan kembali kepada Kementerian ini. Kalau yang banyak anak seperti ini sudah tentulah anak ini tidak akan dapat pengawasan dan penyelarasan dengan sempurna.

Yang paling menyedihkan, banyak anak-anak syarikat seperti ini yang menanggung kerugian daripada keuntungan. Apabila ianya menanggung kerugian, sudah tentulah tidak akan memberi apa-apa

keuntungan tetapi sebaliknya kalau syarikat-syarikat ini diserahkan kepada pihak swasta, insya Allah ianya akan mendapat keuntungan kerana dia tidak akan mempunyai pertandingan dengan anak-anak syarikat yang dibawah perbadangan ini.

Kita tahu kalau sekiranya perbadanan hendak membuat rumah maka ditubuh anak syarikat Bina Jaya, bina ini, untuk membuat rumah. Swasta pun buat rumah. Apabila buka kontrak kepada anak syarikat masuk, orang lain pun masuk. Akhirnya anak syarikat yang dapat. Kalau buat rumah rugi pun tak mengapa, rugi anak syarikat; kalau orang lain tak boleh, rugi anak syarikat akhirnya semuanya menanggung kerugian.

Yang paling sedih sekali, selalunya Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri dan anak-anak syarikat ini banyak mendapat kemudahan daripada Kerajaan. Kadang-kadang tanah itu dapat token sahaja iaitu \$10. Tanah itu kita beli, satu lot \$10 token, tetapi dijual kepada rakyat dengan harga \$20 sekaki. Nilai tanah itu telah jadi hampir \$30,000. Jadi, kalau perbadanan ini tidak bina rumah pun dia sudah boleh untung dengan menjual tanah sahaja. Beli tanah \$10, jual \$30,000 sudah boleh untung. Tetapi buat rumah, siap rumah, tak boleh untung, menanggung kerugian. Ini yang menyedihkan. Rupanya bekerja hanya untuk menanggung beban kos yang tinggi. Jadi, kalau boleh kurangkanlah benda ini.

Sekarang ini banyak kontraktor-kontraktor bumiputera tempatan dan sebagainya merungut tentang ini, bila hendak masuk sahaja tender semuanya ada anak syarikat. Kalau sudah ada anak sendiri dengan anak angkat, sudah tentulah anak angkat ini habis, melainkan kalau ayah itu bertimbang rasa. Dengan sebab itulah, kalau boleh kurangkan anak syarikat

ini, kalau boleh tutup, tutup diam-diam, perlahan-lahan, jangan beri DAP tahu supaya mereka ini tidak heboh.

Yang kedua, kalau sekiranya ia maju pula dan anak syarikat boleh untung, tetapi kalau sekiranya benda ini daripada modal Kerajaan, walaupun benda itu boleh menguntungkan, oleh kerana kos terlampau tinggi, rugi juga. Tetapi kalau agak untung sedikit, ini kalau boleh, serahkan kepada swasta supaya biarlah swasta ini menjalankannya kerana banyak orang kaya dengan cara diwastakan ini, banyak orang jadi kaya. Kalau boleh swastakan dan Kerajaan kurangkan pengawasan. Kalau yang tidak ada swasta menjalankannya, maka itu Perbadanan menjalankannya. Jadi tidak ada perlawanan timbul dalam perkara ini.

Kedua, saya akan bercakap dalam Bahagian Bekalan 33 juga—4. Lembaga Padi dan Beras Negara Butiran 400. Anggarannya bertambah daripada \$16,050,000. tahun 1986 kepada \$19,187,300, pertambahan sebanyak \$3 juta. Apa yang saya hendak menekankan di sini dengan peruntukan tambahan yang ada ini, saya harap Lembaga Padi dan Beras Negara ini akan dapat memberi khidmat-khidmatnya yang sempurna lebih-lebih lagi kilang-kilang yang dimiliki oleh Lembaga Padi dan Beras Negara ini akan dapat diperbaiki jika ada kerosakan-kerosakan. Janganlah disebabkan kilang-kilang yang ada ini sudah tidak mencukupi untuk menampung padi-padi yang bertambun-tambun yang tidak dapat diserahkan kepada LPN dan dalam pada itu pula padi-padi ini disimpan oleh LPN itu tidak cukup kering menyebabkan dalam simpanan itu dia tumbuh jadi padi balik. Apabila padi itu disimpan tidak kering, maka dia tumbuh jadi padi. Yang tumbuh itulah tidak boleh dijadikan beras lagi. Ini disebabkan peralatan tidak mencukupi.

Selain daripada itu yang menjadi masalahnya, di kilang-kilang seperti ini, kita tidak menyediakan bagaimanakah cara bahan-bahan sekam-sekam padi ini untuk dipindahkan ke lain menyebabkan ini menjadi satu masalah yang penting. Sebab itulah sepatutnya kilang-kilang padi yang dibuat oleh LPN itu tempatnya mestilah jauh ke luar bandar sedikit. Tetapi oleh kerana yang merancang untuk membuat kilang-kilang padi ini ialah dirancang oleh pegawai-pegawai, oleh kerana pegawai ini tidak mahu masuk ke dalam sangat, takut kereka mereka lekat, maka dibuat di tepi-tepi jalan, dibuat di tepi-tepi bandar. Kalau semua tanya pegawai untuk membuat kilang, untuk buat pejabat, semua hendak ditepi jalan-jalan besar. Kalau boleh hendak di tengah-tengah bandar itu, tiada satu pun yang memikirkan bagaimanakah kilang-kilang atau pejabat-pejabat ini hendak dibuat jauh sedikit. Mereka tidak pernah terfikir. Semuanya kalau boleh hendak dibuat di bawah pasar raya di atas pejabatnya. Tetapi setelah dikaji, bahawa akhirnya kilang yang dibuat di tepi jalan itu telah menimbulkan masalah kepada orang-orang kampung. Kalau di Pasir Puteh itu kilang Lembaga Padi dan Beras Negara, kilang padi yang ada di sana yang dibuat oleh LPN di Padang Pak Mat sekarang ini sudah jadi macam di tengah-tengah bandar. Dahulunya tiga batu dari Pasir Puteh, sekarang rumah-rumah sudah mengelilingi kawasan itu, jadi kawasan itu sudah menjadi kawasan perkampungan. Akhirnya, kalau air telaga orang kampung yang ada di situ sudah menjadi kelat kerana sekam buruk masuk dalam tanah, air jadi kelat, kalau musim panas berdebu dan menyebabkan masalah timbul kepada orang kampung.

Kalau sekiranya peruntukan itu diberi di dalam bahagian pembangunan, ianya patut dibina satu

kilang padi yang lain atau yang baru ataupun kalau hendak dibina baru biarlah dia jauh sedikit daripada bandar. Biarlah pegawai itu jauh sedikit masuk ke dalam. Kalau kereta tidak kotor macam mana service station hendak mendapat duit. Biarlah kotor sedikit motokar dan biarlah jauh sedikit masuk ke dalam supaya perkara ini tidak akan menyusahkan orang ramai. Tetapi oleh kerana semuanya hendak di tepi jalan, maka ini menimbulkan masalah yang kedua pula kepada masyarakat yang ada di sekeliling itu.

Satu lagi saya hendak menyebut masalah LPN ini juga ialah masalah subsidi harga padi dan juga saya rasa ada beberapa perkara yang saya hendak sebut dalam LPN, ada banyak perkara. Pertamanya, masalah harga padi. Saya rasa cara baru yang dibuat ini, saya tidak tahulah bagaimana benda itu akan memberi kesan ataupun tidak. Tetapi keadaan yang sekarang ini timbulnya sebagaimana beberapa kali timbul dalam Dewan ini, ialah orang-orang tengah ataupun orang-orang yang menjadi agen kepada LPN ini mendapat untung lebih daripada penanam-penanam dan beberapa kali saya timbulkan dalam Dewan ini bahawa ada agen-agen itu mengaku, tetapi saya tidak kata orang LPN, dia mengaku dia pegawai LPN, pergi ke kampung, dia beri beras. Kegiatan ini berlaku dan kampung dia tukar, ambil padi, dia beli beras. Kegiatan ini berlaku dan menguntungkan, kerana sesiapa sahaja membawa padi ke LPN, sesiapa sahaja bawa padi kepada pihak berkuasa sebagai agen LPN ini, dia akan mendapat kupon bagi mendapatkan subsidi. Akhirnya, orang yang meraih beras dan mengambil padi ini akan mendapat keuntungan yang lebih dan inilah yang menimbulkan tidak puas hati kepada petani, sehinggakan satu masa dahulu pihak berkenaan yang mengimport padi dari Thailand kerana untuk

berebut-rebut untuk mendapat subsidi daripada Kerajaan.

Kegiatan-kegiatan seperti ini patutlah diambil tindakan tegas supaya ianya tidak berterusan dan sebagaimana yang saya pernah cadangkan di dalam Dewan ini supaya subsidi ini diberi kepada benar-benar petani berdasarkan tanah yang dimiliki atau tanah yang dikerjakannya. Kalau subsidi baja diberi paling banyak 6 ekar tanah, begitu juga padi diberi subsidi kepada orang yang mengerjakan 6 ekar atau berapa banyak diberi dengan sekatan yang benar-benar mereka itu mengerjakan tanah. Jangan diberi pakai borong. Walaupun dia hendak tipu, dia tipu pun tidak banyak. Begitu juga baja ini, kita beri baja, dia tidak bubuh baja, dia jual pun tidak banyak. Kalau yang padi ini pun kalau dia hendak tipu pun, tidak boleh tipu banyak. Biarlah benda ini benar-benar pergi kepada petani yang mengusahakan tanah, kerana matlamat Kerajaan pun untuk membanyakkan hasil padi dan juga untuk memberi mereka mengerjakan tanah supaya tanah itu tidak terbiar dan ini mungkin kalau diberi dengan cara berapa banyak orang itu mengerjakan tanah, maka sebanyak itu dia diberi berdasarkan ekar atau berdasarkan hektar dan sebagainya. Ini lebih menguntungkan kalau sekiranya difikirkan tidak akan membebankan Kerajaan begitu besar.

Satu lagi dalam LPN ini juga, saya dengar pegawai-pegawai LPN yang dikatakan salah kononnya kerana telah tidak diberi tanggungjawab. Mereka ini diberi jawatan di dalam LPN, diberi jawatan berkhidmat terus kepada LPN, tetapi dipindahkan ke Kementerian tanpa diberi apa jawatan yang munasabah dan adakah benar mereka ini bersalah? Kalau benar mereka ini bersalah, maka jalankanlah tindakan yang sewajarnya. Tetapi

kalau didapati mereka ini tidak bersalah, berilah tanggungjawab yang sepatutnya. Janganlah kita mendera orang itu tanpa usul periksa. Kalau setakat sekejap tidak apa, tetapi kalau bertujuan untuk mendera dengan keadaan yang tidak sepatutnya, ini akan menimbulkan implikasi yang kurang baik. Jangan kita menengok orang ini dari segi salahnya sahaja. Kita kena mengkaji perjawatan orang itu dari segi kebaikan orang itu juga. Betul perumpamaan kata "kalau panas setahun dipenuhi oleh hujan sehari", tetapi, apakah hujan sehari itu menyebabkan sebagai satu ukuran kepada kita.

Jadi, saya meminta supaya Kementerian menjalankan perkara ini dengan baik mengikut peraturan dan melihatkan sama ada orang-orang ini satu masa telah pun membuat jasa atau tidak kepada kita dan apakah benar dia itu bersalah. Kalau bersalah, teruskanlah tindakan kesalahannya. Tetapi kalau mereka ini tidak bersalah maka tidak sepatutnya kita mengambil tindakan yang tidak sepatutnya. Jadi, kita mintalah kepada Kementerian ini, beberapa orang pegawai LPN yang ada itu, berilah tanggungjawab yang sepatutnya supaya jangan kesilapan yang sedikit ataupun menentukan benarkah mereka itu bersalah atau benarkah mereka itu silap, kerana di dalam satu organisasi yang besar seperti LPN ini kadang-kadang kesalahan itu tidak terletak kepada satu orang. Kadang-kadang kalau anak mencuri pun, bapa juga yang kena, pun ada, kerana bapa yang bertanggungjawab terhadap anak itu. Tetapi maknanya kalau anaknya yang bersalah ataupun tentulah ada sedikit-sebanyak di mana tempat yang bersalah, di mana tempat longgar, di mana tempat yang tidak betul kita laksanakan. Tetapi janganlah kita memberi deraan kepada orang yang tidak kita dapat buktikan kesalahannya.

Kita tidak mahu menyiksa sehingga boleh menimbulkan suatu perkara yang lain pula daripada perkara yang telah berlaku ini. Banyak di antara pegawai-pegawai Kerajaan ini yang kadang-kadang caranya berlainanlah. Ada cara yang pandai mengampu, yang tidak pandai mengampu, yang tegas, yang betul macam-macam kisah. Jadi, kalau yang pandai mengampu, dia naik cepat, kalau tidak pandai mengampu, dia lambat sedikit. Kalau dia mengampu, "ya Datuk", "ya Datuk", "ya Datuk", banyak sangat bukan sahaja dapat PJK, bukan bintang itu berselerak dapat, pangkat pun cepat dapat. Tetapi apabila tidak pandai hangguk banyak sangat kurangnya dapat perhatiannya. Ini pun kena ambil perhatian juga. Tetapi dari segi Kerajaan, faedahnya tidak terletak pada benda itu tetapi terletak pada nilai-nilai sepanjang perkhidmatannya sepanjang usaha yang dijalankan.

Jadi, biarlah pihak Kementerian ini mengambil langkah yang bijak, yang sesuai bagi pegawai-pegawai ini meneruskan khidmatnya kepada Kerajaan. Mungkin kalau orang itu sudah tidak sesuai, kalau kita kata kerjalah, kata orang Kelantan, kalau tak sesuai dengan "kukur nyior", kita bagi dia basuh pinggan, maknanya begitu. Janganlah engkau tak sesuai kukur nyior, engkau duduk sahaja atas kerusi. Jadi, buanglah tenaga kita. Misalnya kenduri, jadi biarlah benda itu diberi tanggungjawab. Tak sesuai kukur kelapa, bagi dia tukang basuh pinggan. Tidak sesuai basuh pinggan kerana dia gopoh sangat, pingan itu pecah, selalunya orang yang gopoh sangat bagi kukur kelapa dia cepat habis. Tetapi kalau bagi dia basuh pinggan, dia pecah, kerana habis sumbing, habis pinggan. Jadi, dengan sebab itu, bagilah jawatan-jawatan lain yang lebih sesuai. Ini sebagai satu pandangan yang boleh memberi kebaikan-kebaikan kepada Kementerian ini dan juga nama baik

pegawai yang sedikit sebanyak telah memberi khidmat dan jasa kepada kita.

Tuan Pengerusi, saya rasa itulah sahaja perbincangan saya dalam 2 Butiran yang saya berikan itu semoga akan memberi perhatian kepada Kementerian ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong.

5.55 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, Maksud B.33, Butiran 3, Pengawasan dan Penyelarasan.

Tuan Pengerusi, tujuan program ini adalah untuk mengawas, menyelaras dan menilai 9 buah agensi induk dan semua Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri serta anak-anak syarikat di bawahnya supaya objektif dan matlamat DEB dapat dicapai.

Tuan Pengerusi, dalam tempoh 1981-1984 misalnya, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) telah membina beribu-ribu unit rumah dan didapati bahawa lebih daripada 6,000 unit apartment dan rumah, terutamanya rumah kos sederhana, tidak dapat dijual menyebabkan berjuta-juta ringgit bertakung, tidak dapat digunakan. Ini adalah satu kerugian kerana walhal rakyat memerlukan banyak rumah lagi tetapi PKNS ataupun PKEN yang lain tidak dapat membina rumah-rumah yang dikehendaki kerana faktor-faktor yang tertentu. Dan inilah pengawasan dan penyelarasan yang tidak begitu berkesan daripada Kementerian Perusahaan Awam.

Setakat ini, Tuan Pengerusi, PKNS masih berhutang kepada Kerajaan Negeri sebanyak \$308,719,744. Perlu

diingatkan bahawa walaupun ini dihutang kepada Kerajaan Negeri tetapi Kerajaan Negeri pula berhutang kepada Kerajaan Pusat. Misalnya, Kerajaan Negeri Selangor sekarang berhutang lebih daripada \$600 juta dan jumlah amaun hutang daripada semua Negeri kepada Kerajaan Pusat sekarang, pada akhir tahun 1984, ialah lebih daripada \$5,391 juta. Jadi, inilah satu pengawasan dan penyelarasan yang kurang tepat kerana PKNS ataupun PKEN-PKEN yang lain, termasuk PKEN di negeri Terengganu yang juga membina rumah-rumah yang tidak dapat dijual kepada rakyat yang menyebabkan banyak kerugian. Saya berharap Kementerian Perusahaan Awam dapat menyasat hal ini dan kalau ada siasatan, saya berharap tindakan yang lebih positif dapat diambil untuk mengawal, mengawas dan menyelaraskan PKEN-PKEN di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, Maksud B. 33, Butiran 4—Lembaga Padi dan Beras Negara Butiran 5—juga Lembaga Padi dan Beras Negara. Tahun ini ada wujud satu kekurangan penyelarasan di antara Kementerian Perusahaan Awam dengan Kementerian Pertanian di mana ada satu jenis padi IR42, diberi kepada setengah-setengah petani dan walaupun hasil dariapda IR 42 itu sangat baik, tetapi apabila diproses dalam kilang, maka wujudlah masalah kerana beras yang didapati daripada padi IR42 itu tak sempurna yang menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian. Kalau mengikut kenyataan daripada Menteriannya, hanya \$7 juta, tetapi anggarannya mungkin meningkat kepada \$52 juta dan ada setengah orang menyatakan bahawa kerugian itu menguntungkan petani, tetapi maklumlah, Tuan Pengerusi, kerugian ini ditanggung oleh rakyat jelata juga.

Oleh yang demikian, saya berharap Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) dapat meningkatkan

penyelarasan supaya jenis padi yang digunakan itu adalah lebih baik lagi daripada jenis IR42 itu, misalnya M71 ataupun MR77. Memang, Tuan Pengerusi pun datang daripada negeri jelapang padi.

Tuan Pengerusi: Bukankah perkara itu di bawah pentadbiran Kementerian Pertanian?

Dr Tan Seng Giaw: Memang, tetapi saya kira Lembaga Padi dan Beras Negara ini membayar, jadi pihak yang menguruskan itu adalah LPN.

Tuan Pengerusi: Saya tak faham tentang itu, sebab itu saya tak boleh pakai sebab-sebab itu.

Dr Tan Seng Giaw: Jadi saya berharaplah penyelarasan dapat dibuat supaya janganlah dibagikan jenis padi yang tidak sesuai untuk dikilang.

Tuan Pengerusi, menyentuh P.33, Butiran 7—Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Sdn Berhad. Memang syarikat ini adalah tepat dan sesuai kerana pada masa ini negara Malaysia mengimport pada tahun 1985 sebanyak lebih kurang \$4.2 bilion makanan daripada luar negeri. Sekiranya syarikat seperti ini dapat dijayakan, maka ini akan dapat memberikan sumbangan yang baik kepada usaha-usaha untuk mengurangkan tukaran wang luar. Maka dengan ini saya berharap syarikat ini dapat diuruskan dengan betul.

Janganlah turun mutu pengurusannya seperti setengah-setengah projek yang dikendalikan oleh PKEN-PKEN. Kalau tak silap saya, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan PKEN-PKEN ini misalnya di Negeri Sembilan dengan projek Syarikat Gula Negeri Sembilan itu semua projek itu bankrap kerana pengurusan yang sangat kurang

mutunya, sangat tidak tepat dan berlaku penyelewengan yang besar. Saya berharaplah Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Sdn Bhd ini tidak akan mengalami nasib yang sama dengan Projek Gula Negeri Sembilan.

Tuan Pengerusi, B.33, Butiran 2—Perlesenan. Perlesenan ini susah, Tuan Pengerusi, sama ada perlesenan untuk teksi, bas ataupun lori. Walaupun Yang Berhormat Menteri telah menerangkan hendak memberikan lesen-lesen teksi kepada golongan-golongan yang dapat menguruskan dengan betul, saya sekali lagi menyeru beliau supaya memastikan orang-orang yang mendapat lesen itu ialah pemandu-pemandu teksi yang benar-benar memerlukan lesen itu.

Misalnya orang-orang yang berpengalaman memandu, 7, 8 ataupun 10 tahun. Saya dapati ada pemandu-pemandu yang memandu lebih daripada 8 tahun pun masih tak dapat lesen teksi lagi dan ini pun satu perkara yang sering kali timbul dan tidak dapat diselesaikan. Sama ada perkara ini dapat diselesaikan dengan memberikan lesen teksi kepada golongan-golongan yang tertentu, itu belum dipastikan lagi. Golongan-golongan yang dipilih itu seharusnya dari golongan yang benar-benar memerlukan lesen, yang benar-benar menjadi pemandu teksi yang tersebut.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi, oleh kerana Lembaga Perlesenan Pengangkutan Jalan ini juga mengawas dan menyelaras segala aspek perlesenan kenderaan termasuk lori-lori pengangkutan dan satu aspek yang penting ialah apabila Lembaga tersebut menimbangankan pemberian lesen kepada orang-orang yang tertentu untuk lori-lori pengangkutan ini, hendaklah menimbangankan mengenai kawasan-kawasan kediaman yang dilalui, yang digunakan oleh lori-lori ini. Misalnya di kawasan Kepong

dan Jinjang, terdapat mungkin beratus-ratus lori pengangkutan di situ, lori-lori ini melanggar peraturan, diletakkan kenderaan itu mengikut kehendak sahaja, merosakkan jalan dan parit dan juga merosakkan padang-padang permainan dan ada juga pengusaha lori ini meletakkan lori-lori mereka di padang-padang permainan di waktu malam hingga merosakkan semua gelanggang badminton dan sebagainya.

Jadi adalah perlu bagi Kementerian ini menjaga dari aspek kekacauan, kebisingan ke atas orang ramai. Dengan ini, Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau.

6.18 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya membahaskan peruntukan untuk Kementerian Perusahaan Awam.

Yang pertama, saya suka menyentuh tentang Butiran 6 iaitu di bawah B.33, mukasurat 166—Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA). Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Kementerian yang berkenaan, terutama kepada agensi Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) yang telah memberikan peruntukan, pada pandangan saya, paling banyak kalau dibandingkan dengan tempat-tempat lain di negeri Pulau Pinang kerana mendapat banyak projek daripada pihak Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) di sana.

Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak timbulkan dalam Dewan pada hari ini ialah pelan rumah pangsa yang dibuat oleh pihak UDA itu di Tanjung

Tokong. Kita harap dan saya sangat berharap pelan-pelan yang dibuat itu hendaklah sesuai dengan keadaan kita orang timur. Dalam salah satu blok rumah pangsa yang dibuat di Tanjong Tokong, rumah pangsa kita tahu pintunya hanya satu, pintu untuk keluar-masuk dan kita orang-orang Asia ini pintu mula masuk itu kita panggil dewan, tentulah kita siapkan dengan satu bilik dewan, tetapi rumah pangsa kalau satu blok di Tanjong Tokong itu, masuk-masuk tandas dan dapur.

Jadi ini menyebabkan ramai orang teragak-agak dan tak mahu hendak pindah ke rumah yang tersebut. Ini bukan jadi kebiasaan kita, kalau kita hendak tiru negara barat pun biarlah yang sesuai, yang boleh dipraktikkan di negara kita ini, kita tahu di negara barat dapurnya itu kecil, dewan makan tidaklah cara masak-masak macam kita, kebanyakan barang-barang itu barang-barang sejuk, tetapi kita ini bila kata dapur itu sekali barang kita letak di dapur, dan kalau kita banding dewan dengan dapur ini berlainan sangatlah. Begitu juga bilik mandi, di barat bilik mandi dia boleh bubuh permaidani kerana mereka bukan mandi sangat, barangkali seminggu dia mandi sekali. Kita sehari empat kali mandi, ini masuk sahaja bilik mandi, ini masalahnya. Jadi saya sangat berharap dalam masa kita merancang hendak buat pelan itu hati-hati; biarlah pelan itu sesuai dengan keadaan kehidupan kita orang timur.

Tuan Pengerusi, saya suka menegur tentang pengawasan kepada projek-projek UDA. Kebanyakan projek UDA sekarang ini ditender kepada kontraktor-kontraktor dan dalam masa pelaksanaan projek-projek ini, saya harap pihak pegawai-pegawai mesti memastikan supaya jangan berlaku kesilapan, kalau berlaku kesilapan pihak UDA, pihak Kerajaan akan menanggung kerugian yang besar. Contohnya yang saya beri di

Pulau Pinang ada satu projek rumah pangsa di Kelawai setinggi 16 tingkat, sudah siap dua tahun lepas, sampai hari ini tidak boleh dapat O.C.—kebenaran masuk tidak boleh dapat kerana tangki najis yang dibuat itu di tanah orang. Sekarang pihak UDA baru hendak pujuk tuan tanah itu supaya dijual kepada UDA tanah yang berkenaan itu. Masa ini tuan tanah itu macamana dia letak harga pun UDA terpaksa beli. Ini kerana kelalaian pegawai-pegawai kita mengawasi semasa pelaksanaan projek, tanah yang seluas 20' × 20' pihak tuan tanah berkehendak harga \$1 juta kita terpaksa beli sebab sudah dibuat di atas tanah orang.

Saya sangat hairan dan ajaib macamana semasa pelaksanaan itu tangki najis boleh dibuat di tanah orang, timbul soalnya sekarang ini sama ada perkara itu diawasi atau tidak diawasi, kita biarkan sahaja pihak kontraktor ini menjalankan kerja-kerja. Ini tidak patut dan akibatnya Kerajaan terpaksa menanggung kerugian. Saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen atau Menteri yang berkenaan akan menjawab dan menerangkan bagaimana kedudukan sekarang, keadaan rumah pangsa itu yang sudah siap dua tahun tidak boleh kita masuki. Jadi sekali lagi saya sangat berharap supaya pihak UDA dalam projek-projek yang akan datang akan memastikan, terutama semasa kita melaksanakan projek itu supaya pengawasan yang rapi diadakan bagi memastikan supaya projek itu apabila siap dapat diduduki dengan seberapa segera, jangan berlaku lagi, jangan sekali-kali berlaku lagi apa yang sudah berlaku di Kelawai dalam projek pembinaan rumah pangsa 16 tingkat.

Tuan Pengerusi, saya juga suka menyentuh tentang Butiran 3.1, muka surat 165 iaitu PKEN ataupun Perbadanan Kemajuan Ekonomi

Negeri. Saya hendak sebut tentang PPPP (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang). Biasanya apabila kita ambil tanah rakyat mengikut Kanun Tanah Negara, tanah yang kita ambil tanah rakyat itu mestilah untuk tujuan orang ramai, kita buat sekolah, kita buat padang permainan, kita mengadakan hospital, masjid, rumah-rumah murah dan sebagainya. Tetapi ada satu tanah yang diambil oleh PPPP atau PDC, (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) dibuat projek hotel, ini tidak patut. Ini tidak patut sama sekali, tanah yang diambil itu dengan harga dikira ekar, satu ekar \$30,000, tetapi bila didirikan hotel itu dijual kepada hotel itu satu kaki persegi \$70.

Saya suka menarik perhatian kepada Kementerian Perusahaan Awam supaya perkara ini janganlah berlaku lagi, ini dalam kawasan saya sendiri di Bandar Bayan Baru, tanah orang ramai diambil dengan harga satu ekar \$30,000, tetapi bila hendak dibuat hotel dijual tanah pada hotel tersebut \$70 satu kaki persegi, ini dirungut oleh Perdana Menteri kita ini tidak betul, perkara ini tidak betul. Jadi saya bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tanah-tanah ini dinilai dengan harga yang sangat tinggi dan tidak munasabah. Hotel itu sedang dibangunkan sekarang, susah kita sebagai Wakil Rakyat hendak jawab kepada orang ramai, tengok Kerajaan kata hendak buat untuk orang ramai, hotel untuk orang ramai? Siapakah yang tinggal di hotel itu? Pelancung-pelancung dan hotel berkenaan hotel kelas 3, hotel kelas 2, kelas 1. Saya sangat hairan bagaimana perkara ini boleh berlaku.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya hendak sentuh ialah tentang Maksud B. 33, Butiran 2.1 iaitu Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan Semenanjung.

Tuan Pengerusi, pada satu masa dahulu sebelum Yang Berhormat Menteri yang ada sekarang ini memegang Kementerian ini, pihak Kerajaan telah membuat satu dasar teksis ini akan dikeluarkan kepada syarikat-syarikat dan kepada koperasi sahaja, tidak akan diberi kepada orang perseorangan. Maka 2-3 koperasi di kawasan saya telah ditubuhkan dapat 15 teksis, dan ada satu lagi 20 teksis berjalan dengan baik dan elok. Kemudian apabila datang Menteri baru buat satu dasar pula kita beri kepada orang perseorangan, ahli-ahli koperasi yang bawa teksis itu, pemandu-pemandu teksis itu semua minta teksis datang kepada saya, takkan saya hendak kata tak boleh, saya tidak mahu sokong, minta dapat seorang satu teksis, 6 bulan sahaja dia bawa teksis selepas itu diberi kepada orang lain, kerana dia tidak mampu, dia tidak boleh, tidak ada kebolehan mengurus, beli teksis boleh, tetapi hendak mengurus ini satu perkara yang bukan semua orang boleh buat. Hari ini 99% daripada orang perseorangan yang dapat teksis itu semua dipajak kepada orang lain, dan dia balik membawa teksis yang dipunyai oleh koperasi. Jadi saya harap dan saya menyokong penuh, apabila dikaji semula dasar itu sekarang hendak diberi kepada koperasi balik. Saya harap yang mana patut dikaji balik, yang mana sudah terlepas diberi kepada orang perseorangan itu pastikan dia sendiri bawa, kalau dia tidak bawa, tarik balik atau jangan dibaharui lesennya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ya, setakat itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Setakat itu sahaja.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:saya bercakap dan saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Baiklah.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, hari Isnin 25hb ini adalah cuti, dan yang demikian

mesyuarat ditangguhkan sehingga 26hb November, hari Selasa minggu hadapan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.